

**Mamogram
percuma**

MS 3



**Teka Silang
Kata - HADIAH
Tunai RM500!!**

**Line Clear :
MPPP ikut
SOP**

MS 25



buletin **Mutiara**

PERCUMA

www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmliimguaneng>

1 – 15 FEBRUARI 2015



Perangi denggi, cegah sebelum kena!

Oleh : **ZAINULFAQAR
YAACOB & YAP LEE YING**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

SEBERANG JAYA — Kerajaan Negeri mengambil langkah drastik menganjurkan majlis gotong-royong secara besar-besaran dan serentak di 40 lokaliti terpilih baru-baru ini, susulan dua kematian akibat denggi direkodkan di Pulau Pinang pada minggu pertama tahun ini.

“Selepas satu minggu memasuki tahun baru 2015, statistik demam denggi masih belum menunjukkan tanda-tanda penurunan,” ujarnya semasa merasmikan program tersebut di Blok A Taman Tenggiri di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan Pengarah Kesihatan Pulau Pinang, Datuk Dr. Zailan Haji Adnan turut berucap pada program di bawah projek Penang Sihat tersebut.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Menurut Guan Eng, Kerajaan

dicatatkan di Pulau Pinang pada minggu pertama tahun ini.

“Selain itu, statistik demam denggi masih belum menunjukkan tanda-tanda penurunan,” ujarnya semasa merasmikan program tersebut di Blok A Taman Tenggiri di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan Pengarah Kesihatan Pulau Pinang, Datuk Dr. Zailan Haji Adnan turut berucap pada program di bawah projek Penang Sihat tersebut.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Menurut Guan Eng, Kerajaan



TRAK MPPP memungut sampah-sarap yang dikumpul penduduk dalam program Gotong-Royong Perdana di Kampung Rawa, Jelutong.

Negeri akan terus memberi komitmen dalam membanteras penyakit itu.

Itu, beliau memberitahu, termasuk melaksanakan operasi pemeriksaan tapak-tapak binaan, meningkatkan pelupusan sampah-sampah haram

terutamanya di lokasi-lokasi kes dan wabak denggi, meningkatkan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, hebahan awam dan nasihat individu serta meningkatkan aktiviti penguatkuasaan ke atas mana-mana premis yang membikin nyamuk aedes.

Dalam pada itu, menurut kenyataan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bertarikh 28 Januari baru-baru ini melaporkan bahawa sehingga 24 Januari lalu, sebanyak 398 kes denggi dilaporkan berbanding 151 kes bagi tempoh yang sama tahun lalu (2014) dengan peningkatan 247 kes (163.58%).

“Kini, terdapat 25 lokaliti wabak terkawal dilaporkan di Pulau Pinang iaitu di Batu Green, Jalan Haji Hashim Imam, Jalan Lim Lean Teng, Lintang Besi, Solok Rawana, Pangaspuri Sri Saujana, Sri Wangsa, Taman Kristal, Taman Perak, Taman Sri Pinang dan Jalan Paya Terubong dari Daerah Timur Laut.

“Lokaliti Sungai Batu Laut dan Pangaspuri Lavina dari Daerah Barat Daya; Lokaliti CL Pearl View, Lengkok Inderawasih, Masjid Sembilang, Solok Tenggiri, Flat Lorong Tuna, Taman Permai Jaya, Taman Saujana Permai, Taman Budiman dan Perkampungan Machang Bubuk (Daerah SPT); Lokaliti Jalan Batas Ban (Daerah SPS) dan Taman Molek (Daerah SPU).

“Terdapat tiga lokaliti wabak tidak terkawal iaitu di Taman Teguh, Flat Hamna (Blok A-J) dan Kampung Rawa di Daerah Timur Laut. Terdapat tiga lokaliti hotspot iaitu di Jalan Lim Eow Thoon, Flat Batu Lanchang dan Taman Free School juga di Daerah Timur Laut,” jelas kenyataan berkenaan melalui Pejabat Afif di sini baru-baru ini.

Lanjutnya, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang ingin mengingatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan sebagaimana disarankan bagi menghentikan penularan penyakit denggi.



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang turut mengambil bahagian di Kampung Rawa.



PEMBERSIHAN saluran longkang di Taman Sri Pinang, Sungai Pinang.

Cemerlang akademik mampu ubah masa depan lebih baik - KM

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

BAGAN JERMAL – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru ibu bapa supaya terus memberi didikan kepada anak-anak untuk memburu kejayaan dalam akademik di sekolah.

Katanya, kecemerlangan akademik merupakan salah satu jalan untuk anak-anak ini mengubah masa depan keluarga agar lebih selesa kelak.

“Pada hari ini, 30 pelajar dipilih daripada tiap-tiap sekolah, 660 murid-murid keseluruhannya akan menerima sumbangan RM100 seorang, yang keseluruhan peruntukan RM66,000 pada tahun ini.

“Berapa banyak pun duit yang kita ada tentu akan habis kerana kos sara hidup sekarang begitu tinggi dan tidak lama lagi semua kita akan terbeban dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

“Tetapi, dengan ketekunan kita untuk memastikan kecemerlangan akademik anak-anak kita ini, kita boleh menyimpan keyakinan bahawa kejayaan mereka dalam alam kerjaya suatu hari nanti akan mampu mengubah kehidupan kita supaya lebih baik dari apa yang ada pada hari ini,” katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Beliau berkata demikian pada Majlis Bantuan Pelajar Kurang Berkemampuan Sekolah-Sekolah Rendah Dan Menengah Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan merangkap ADUN Bagan Jermal) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)



KETUA Menteri menyantuni seorang murid sambil diperhatikan Phee Boon Poh (dua dari kanan).

Bagan Dalam, A. Tanasekharan turut berucap dan menyampaikan sumbangan kepada murid-murid terpilih daripada pelbagai kaum.

Difahamkan, majlis sumbangan tersebut diadakan tiap-tiap tahun di Parlimen Bagan sejak 2011.

Semasa itu, Guan Eng mengeluarkan peruntukannya sebanyak RM55,000 untuk disumbangkan kepada 17 sekolah rendah dan lima sekolah menengah.

“Sejak tahun 2011 hingga 2014, sebanyak RM220,000 peruntukan telahpun diagihkan kepada murid-murid dipilih pihak sekolah masing-masing, supaya mereka ada harapan untuk mengejar kecemerlangan akademik dan mengubah nasib keluarga masing-masing suatu hari nanti,” jelas Guan Eng.



SEBAHAGIAN pelajar yang hadir untuk menerima sumbangan pada Majlis Bantuan Pelajar Kurang Berkemampuan Sekolah-Sekolah Rendah Dan Menengah Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.

Tangguh GST elak IKS, rakyat menderita

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : MARK JAMES



GEORGE TOWN –

Kerajaan Persekutuan digesa supaya menerangkan mula anggukannya supaya pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sehingga negara mencapai status berpendapatan tinggi.

Gesaan tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini yang tidak mahu pelaksanaannya kelak akan menjadikan perniagaan kecil dan sederhana (IKS) di negara ini.

Malah tegas beliau, Kerajaan Persekutuan sekurang-kurangnya perlu melambatkan ia selama dua tahun jika masih ingin terus memperkenalkan cukai tersebut.

“Pelaksanaan GST perlu ditunda sekurang-kurangnya hingga negara mencapai status berpendapatan tinggi.

“Jika tidak, sektor perniagaan IKS dan rakyat akan menderita.

“Industri IKS ini berkemungkinan gulung tikar dan menutup perniagaan masing-masing ekoran tidak mampu untuk memenuhi syarat-syarat pelaksanaan GST,” ujarnya yang juga merupakan Ahli Parlimen Bagan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut bersama beliau adalah empat pemilik kedai runcit di Balik Pulau yang bimbang dan keliru terhadap pelaksanaan GST terhadap perniagaan masing-masing.

Keempat-empat mereka ialah Lee Chee Hong, Law Chee Peng, Ong Chen Chow dan Lee Soon Seng.

Bagi Soon Seng yang telah menjalankan perniagaan runcit selama lebih 25 tahun, beliau berkemungkinan akan menutup perniagaannya berikut pelaksanaan GST.

“Pelaksanaan GST yang memerlukan catatan kira-kira lengkap akan menambah beban saya kerana saya tidak mampu mengupah jurukira khas bagi menguruskan akaun kedai yang selama ini dilakukan secara manual di dalam buku lejar,” ujarnya di sini.

Soon Seng adalah peniaga ketiga di negeri ini yang membuat keputusan untuk menutup perniagaan ekoran pelaksanaan GST yang dijadualkan 1 April ini.

Harga bahan api turun, tarif elektrik?

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : SHUM JIAN WEI

AIR ITAM – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng membidas Kerajaan Pusat gara-gara gagal menurunkan harga barang dan tarif elektrik walaupun harga pasaran dunia petroleum menurun sekarang.

“Jika sebelum ini Kerajaan Pusat kerap menyatakan bahawa tarif elektrik naik kerana harga bahan bakar mengalami kenaikan, tetapi kenapa apabila bahan api tersebut menurun, tarif elektrik tidak diturunkan?

“Mereka (Kerajaan Pusat) selalu menyatakan penurunan harga minyak dapat menurunkan harga barang, malangnya perkara tersebut tidak pun terjadi, ini dinamakan ‘cakap tak serupa bikin,’” tegasnya pada Program Penyampaian Bantuan Kepada Pelajar



KETUA Menteri ditemani Wong Hon Wai (barisan belakang, dua dari kanan) dan Zairil Khir Johari (barisan belakang, kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama para penerima Program Bantuan Kepada Pelajar Kurang Berkemampuan Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah KADUN Air Putih di sini baru-baru ini.

Mamogram percuma persediaan peringkat akhir – Exco

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **MARK JAMES**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri bakal menyediakan pemeriksaan mamogram percuma khusus untuk kaum wanita yang berdaftar undi di Pulau Pinang, kata Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin di sini baru-baru ini.

Menurutnya, pemeriksaan mamogram percuma dikenali Program MammoPenang (MammoPenang) itu diolah khusus untuk mereka yang berusia 35 tahun dan ke atas.

“Di bawah program tersebut, kami akan menyediakan kemudahan yang perlu bagi membolehkan golongan sasaran menjalani pemeriksaan berkaitan dan hadiri sesi taklimat kesihatan ditetapkan.

“Buat masa ini, kita masih di peringkat akhir penyediaan pemeriksaan dan inisiatif ini akan dilaksanakan secara percubaan kelak selepas sambutan Tahun Baru Cina dengan sasaran 35,000 wanita dan dekati seramai mungkin,” katanya sejurus merasmikan Pusat Informasi Hospital Kanser Mount Miriam di sini baru-baru ini.

Bishop Pulau Pinang, Rev. Sebastian Francis turut sama dalam perasmian tersebut.

Tambah Afif, Kerajaan Negeri bakal membelanjakan RM3 juta untuk tiga tahun pelaksanaan MammoPenang.

Terdahulu, beliau turut mengumumkan perkara sama dalam pertemuan bersama-sama 30 anggota delegasi dari Selangor diketuai Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Negeri Selangor, Dr. Daroyah Alwi dan Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Dr. Chithradavi N. Vadivellu.

Dalam pertemuan tersebut, Afif menyatakan bahawa pihaknya meneladani model MammoPenang dari Selangor iaitu melalui Skim Kesihatan Wanita : Mammogram Selangor atau lebih dikenali sebagai MammoSel yang telah dilancarkan sejak tahun 2009.

“Seperti Selangor, kita (Kerajaan Negeri) juga menjalankan kempen kesihatan bukan sahaja untuk wanita Pulau Pinang, tetapi merangkumi semua gender dan usia,” jelas beliau.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pembangunan) Datuk Abu Jamal Nordin.



(Dari kiri), DR. Chithradavi N. Vadivellu, Dr. Daroyah Alwi dan Dr. Afif Bahardin bergambar kenangan pada pertemuan bersama delegasi dari Selangor dan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



DR. Afif Bahardin (tengah) dan Rev. Sebastian Francis (tiga dari kiri) bersama-sama dif-dif jemputan memotong reben sebagai merasmikan Pusat Informasi Hospital Kanser Mount Miriam di sini baru-baru ini.

Exco, OCPD lawat kanak-kanak mangsa dera

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA – Mangsa penderaan terbaru membabitkan kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun di Butterworth kemungkinan akan melalui rawatan pemulihan yang panjang di Hospital Seberang Jaya, dengan pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Demikian kata Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin semasa melawat kanak-kanak terbabit, yang dikatakan menjadi mangsa penderaan ayahnya sendiri.

“Saya dimaklumkan kanak-kanak ini sudah boleh menjamah makanan mudah hadam.

“Sekarang, doktor yang merawatnya sedang memberi tumpuan pada memulihkan semula bukan sahaja keadaan fizikalnya, malah, mental dan emosi beliau selepas pengalaman yang sukar ini.

“Saya melihat keadaannya semakin stabil, tetapi kita pun tak tahu tempoh sepanjang mana terbaik untuk kanak-kanak ini semakin pulih,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya selepas mengadakan lawatan khas terhadap kanak-kanak terbabit di

sini baru-baru ini

Menurut Afif, kes tersebut memberi pengajaran kepada semua bahawa prienting masyarakat serta guru-guru mengambil peduli hal kanak-kanak yang dekat dengan kehidupan mereka masing-masing.

“Inilah pentingnya peranan guru-guru dan masyarakat dalam bekerjasama dengan polis agar kes penderaan cepat ditangani bersama,” tegas beliau.

Ketua Polis Daerah (OCPD) Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Abdul Rahman Ibrahim bersama-sama badan kebajikan polis negeri turut

menyertai lawatan tersebut.

Hadir sama, bekas Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Abdul Jalil Che Ros.

Pada sidang media berasingan, Abdul Rahman tidak menolak kemungkinan bahawa kanak-kanak berkenaan menerima penderaan ayah kandungnya di sebuah rumah flat di sini sejak November tahun lepas.

“Kita masih menunggu laporan perubatan rasmi, hasil siasatan kita (Polis Di-raja Malaysia, PDRM) dengan bantuan guru dan jiran-jiran, kita percaya kanak-kanak ini didera oleh ayah kandungnya sendiri.

“Berat mangsa sekarang sudah

meningkat ke 10 kilogram, berdasarkan keadaan fizikal dengan saiz serta berat badannya lapan kilogram sebelum ini, kita percaya kanak-kanak ini dikurung tanpa makan dan minum yang sempurna sejak dua bulan lepas,” jelas beliau kepada wartawan.

Tambah beliau, ibu tiri kepada mangsa dera masih ditahan untuk membantu siasatan polis.

Walaupun kanak-kanak berkenaan sudah boleh menjamah makanan mudah hadam, Abdul Rahman memberitahu bahawa kemungkinan mangsa masih trauma dikurung dalam rumah yang langsung tidak dilengkapi bekalan air dan elektrik.

Tahniah PDRM turunkan indeks jenayah – KM

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar: SHUM JIAN WEI

AIR ITAM - Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi mengingatkan bahawa kuasa polis bantuan adalah tertakluk kepada kawasan premis majikan semata-mata dan bukan di luar kawasan berkaitan.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perbarisan Pemakaian Pangkat dan Logo Polis Bantuan PBA Holdings Berhad (PBAHB) di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut turut dihadiri Ketua Menteri,



DEMONSTRASI tempur tanpa senjata yang dipersembahkan.

Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng selaku Pengurus Lembaga Pengarah PBAHB dan Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB, Ir. Jaseni Maidinsa.

"Malah, polis bantuan juga perlu menunjukkan tahap disiplin tinggi agar imej polis sentiasa terjaga dan dipandang tinggi," ucap beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng pada majlis berkaitan turut memuji Abdul Rahim yang berjaya menurunkan indeks jenayah sebanyak 5.3 peratus bagi tahun 2014.

"Tahniah kepada pihak PDRM kerana berjaya turunkan indeks jenayah.

"Namun, saya kenal sangat dengan Datuk Wira (Abdul Rahim), beliau tidak akan senang berpuas hati dengan pencapaian itu, bahkan akan melipatgandakan usahanya dalam memerangi jenayah terutamanya jenayah jalanan," ujarnya.

Pada majlis berkaitan, seramai 42 anggota Polis Bantuan PBAHB dipakaikan pangkat. Malah, barisan tetamu kehormat turut dipertontonkan demonstrasi tempur tanpa



ANGGOTA Polis Bantuan PBAHB yang terlibat dalam perbarisan.



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Abdul Rahim Hanafi (kiri sekali) sambil diperhatikan Ir. Jaseni Maidinsa (tengah) atas kesudian beliau menyempurnakan Majlis Perbarisan Pemakaian Pangkat dan Logo Polis Bantuan PBAHB di sini baru-baru ini.

senjata dan penggunaan 'baton' untuk mempertahankan diri oleh pasukan berkaitan.

Guan Eng menambah, PBAHB melalui anak syarikatnya, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan di semua premis, lokasi dan aset operasinya.

"Sebagai syarikat bekalan air, lokasi-lokasi ini telah dikategorikan sebagai sasaran penting dan kawasan larangan seperti mana dimaktubkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)."

"Saya juga difahamkan bahawa mengikut Arahan Tetap Saranan Penting dibawah Akta Rasmi 1972, syarikat ini diletakkan di bawah kategori keutamaan satu, iaitu sebagai sasaran penting di mana jika berlaku kerosakan

ianya akan mengakibatkan kesan amat buruk terhadap ekonomi dan fungsi kerajaan," jelasnya.

Tambah beliau, permohonan untuk menubuhkan pasukan Polis Bantuan PBAHB dikemukakan kepada Polis Di-raja Malaysia (PDRM) pada 3 Mei 2013 dan diluluskan pada 29 November 2013.

"Sehingga kini, Polis Bantuan PBAHB mempunyai kekuatan seramai 44 anggota yang sudah menjalani latihan. Kekuatan anggota akan terus ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kewangan syarikat," ujar Guan Eng.

Beri maklumat lengkap elak sindiket penipuan beli rumah- Exco

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : SHUM JIAN WEI

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri sedia beri komitmen untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat termasuk Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dalam membangunkan projek-projek perumahan mampu milik untuk rakyat negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, pihaknya telah meminta Kerajaan Pusat untuk memberi butiran terperinci ekoran terdapat beberapa pengumuman yang mengelirukan bukan sahaja ke atas pihak kerajaan, tetapi juga rakyat Pulau Pinang berhubung perkara berkaitan.

"Walaupun banyak pengumuman telah dibuat sejak Akta PR1MA 2012, namun Kerajaan Negeri masih belum menerima apa-apa permohonan rasmi bagi pelaksanaan projek PR1MA.

"Apa yang penting adalah garis masa (*timeline*) pelaksanaan, penyampaian projek iaitu bila, di mana hendak dibina dan berapa unit

semuanya tidak jelas.

"Sebelum ini, PR1MA mengeluarkan kenyataan bahawa 6,000 unit rumah akan dibina di kawasan yang dikenalpasti di Teluk Kumbar, Bukit Gelugor dan Balik Pulau, namun tiada maklumat lanjut yang diberikan," tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Jagdeep, baru-baru ini Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Abdul Mutualib Alias ada menyatakan pihaknya akan membina 600 unit rumah mampu milik menjelang akhir tahun 2015 masing-masing 300 unit di Bertam, Seberang Perai Utara dan Kuala Ketil (Kedah).

Namun, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri masih belum menerima apa-apa permohonan baik melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) maupun Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) sedar rancangan Pusat untuk rakyat Pulau Pinang, tetapi sehingga ke hari ini, pihak saya masih belum menerima apa-apa maklumat lengkap berhubung pelaksanaan pembinaan rumah mampu milik.

"Dan sekali lagi, suka saya

nyatakan, kita sedia bekerjasama dengan Pusat, tetapi Pusat perlu berjelaskan yang tepat kerana kita tidak mahu ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menyalahgunakan nama PR1MA seperti yang dide dahakan Abdul Mutualib baru-baru ini sehingga menyebabkan kerugian di pihak awam mencecah RM6 juta," ujarnya merujuk kepada kenyataan Abdul Mutualib yang disiarkan dalam akhbar arus perdana, Utusan Malaysia bertarikh 23 Januari 2015.

Laporan itu menyatakan bahawa, Abdul Mutualib memaklumkan ada pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan nama PR1MA untuk menipu orang ramai membeli rumah di bawah kendaliannya sehingga menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit.

"Sebab itu, kita minta Pusat untuk memberi maklumat lengkap untuk mengelak sindiket penipuan pembelian rumah di Pulau Pinang," seru Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

PIP kumpul RM65,175 bantu mangsa banjir



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) mendengar penjelasan daripada wakil pemaju sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan ahli jawatankuasa penganjur PIP 2015 di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN - Sejumlah RM65,175 berjaya dikumpul sepanjang penganjuran Ekspo Penang International Properties (PIP) 2015 di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, daripada jumlah tersebut, RM10,175 adalah hasil sumbangan orang ramai sepanjang penganjuran ekspo berkenaan di Subterranean Penang International Convention and Exhibition Centre (SPICE). "Selain itu, terdapat juga sumbangan hasil lelongan 48 barang termasuk baucar sumbangan dari Malaysian Association of Hotels Penang Chapter.

"Semua hasil sumbangan ini akan disalurkan terus ke dana bantuan mangsa banjir di Pantai Timur," katanya pada sidang media penyampaian cek di sini baru-baru ini.

Turut serta, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; wakil-wakil pemamer termasuk pemaju, Hunza Properties Berhad, SP Setia Berhad Group, BSG Property Group, Palmex Industries Sdn. Bhd. dan Ideal Property Group.

Ekspo PIP adalah acara tahunan yang diadakan di negeri ini dengan kerjasama PenEvents.

Parkir bertingkat Bkt. Bendera siap tampung peningkatan pelancong

Oleh: **WATAWA NATAF**

ZULKIFLI

Gambar : **ALISSALA**

THIAN

BUKIT BENDERA

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyifatkan bahawa 'kehadiran' tempat letak kereta bertingkat Bukit Bendera tepat pada waktunya demi menampung kehadiran pelancong yang meningkat samban tahun ke lokasi pelancongan popular negeri ini, Bukit Bendera.

Jelasnya, menurut statistik Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), kutipan tiket pada tahun lalu menunjukkan peningkatan sebanyak 14.9 peratus kehadiran pelancong berbanding 2013.

"Pada tahun lepas, PBBPP mencatatkan seramai 1,364,074 pelancong melawat Bukit Bendera berbanding 2013 iaitu seramai 1,233,556 pelancong.

"Peningkatan tersebut secara tidak langsung adalah 'dibantu' keadaan keretapi fernikular yang beroperasi pada tahap optimum untuk membawa naik pelancong ke puncak bukit," ujarnya pada Majlis Perasmian Tempat Letak Kereta Bertingkat Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa



RUANG parkir yang luas dan selesa.

dan Kesihatan Dr. Afif Bahardin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai, ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Pengurus Besar PBBPP, Dr. Lawrence Khoo.

Menurut Guan Eng, tempat letak kereta tujuh tingkat hasil usahasama Kerajaan Negeri dan PDC tersebut mampu memuatkan 306 kereta, motosikal (182) dan lima lot untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

"Ini juga merupakan penambahbaik positif berbanding tempat letak kereta lama yang cuma mampu memuatkan 96 kereta yang mana ia terpaksa dirobohkan pada Jun 2012 disebabkan masalah teknikal.

"Selain menempatkan tempat letak kereta, bangunan ini juga menyediakan 10 lot kedai serta ruang pejabat di



RUPA bentuk bangunan tempat letak kereta tujuh tingkat Bukit Bendera.

tingkat tujuh untuk kegunaan PBBPP," ujar beliau.

Tambahnya, kelewatan hampir setahun oleh pemaju adalah disebabkan struktur tanah di sini yang dipenuhi batu besar dan perlu diubah sambil memastikan keselamatan penduduk setempat terjamin.

Kadar bayaran bagi



kereta adalah RM2 bagi tempoh sejam pertama dan RM1 bagi jam berikutnya. Pas bermusim adalah bernilai RM120 dan tiada caj dikenakan terhadap motosikal.

PEMANDANGAN dari atas bangunan parkir tujuh tingkat yang meliputi stesen bawah Bukit Bendera.

'Mangsa-mangsa' terkandas keretapi Bkt. Bendera selamat

Gambar : **SHUM JIAN WEI**

BUKIT BENDERA - Seramai 70 pelancong yang menaiki keretapi fernikular Bukit Bendera 'cemas' seketika apabila gerabak berkenaan secara tiba-tiba berhenti secara mengejut di laluan terowong atas menuju ke stesen atas lokasi pelancongan terkemuka tersebut.

Tindakan pantas pihak pengurusan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dan pasukan Bomba Sukarela Air Putih dalam menangani situasi berkaitan sedikit-sebanyak meredakan rasa 'cemas' mangsa-mangsa terlibat terutamanya mereka yang sesak nafas disebabkan kegagalan fungsi penghawa dingin gerabak.

Realitinya, situasi cemas tersebut adalah merupakan latihan simulasi serta penyelenggaraan berkala dilakukan PBBPP terutamanya dalam memastikan keselamatan para penumpang terjamin.

Pengurus Divisyen Operasi

Dalam PBBPP, Baharin Annuar Abu Bakar berkata, tempoh masa 11 minit diambil oleh pasukan kecemasan PBBPP untuk mengeluarkan semua pelancong yang terkandas di dalam gerabak berkenaan.

"Ini merupakan kali pertama latihan simulasi seperti ini dijalankan di laluan menyelamat bukan trek bertujuan melihat sejauh mana kecekapan dan cabaran yang bakal dihadapi semua pihak apabila berdepan dengan situasi kecemasan ini.

"Proses pemindahan 70 penumpang hari ini agak mencabar, namun kita berjaya. Pengalaman hari ini akan digunakan pada masa depan dan memendekkan lagi tempoh masa menyelamat demi keselamatan semua," katanya sejurus tamat Latihan Simulasi PBBPP di sini baru-baru ini.

Turut terlibat, Pasukan Bomba Sukarela Air Putih, pelajar-pelajar dari

ANGGOTA anggota Pasukan Bomba Sukarela Air Putih mengusung salah seorang 'pelancong' yang mengalami kesukaran bernafas sempena Latihan Simulasi PBBPP di sini baru-baru ini.



Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) dan Kolej Teknologi Pulau (ICT).

Tambah Baharin Annuar, pada jam 10.05 pagi, setelah memperoleh maklumat bahawa keretapi dinaiki 70 pelancong rosak, PBBPP terus menghubungi pihak berwajib termasuk Pasukan Bomba dan Penyelamat, St.

John Ambulans dan pasukan penyelamat PBBPP sendiri untuk bertindak.

"Kira-kira sejam kemudian iaitu pada jam 11.45 pagi, semua penumpang berjaya dibawa turun ke Taman Botani sebelum dibawa ke stesen berkumpul Air Itam," jelas beliau.



OPERASI menyelamat mangsa-mangsa yang terkandas.



Kesederhanaan mampu lenyapkan perkauman melampau - KM

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : MARK JAMES

KEBUN BUNGAH – Mesej kesederhanaan dan kebebasan akan terus disuburkan di Pulau Pinang demi mempengaruhi Putrajaya untuk bersama-sama melenyapkan fahaman perkauman melampau di negara ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sempena Majlis Sambutan Hari Ponggal Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.

“Sekiranya kita semua berganding tenaga dengan berdasarkan prinsip kebebasan dan kesederhanaan, sekaligus kita akan dapat melenyapkan laungan pihak-pihak yang bersikap ekstrimis dan menjamin kemakmuran serta keadilan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat,” ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) turut berucap pada majlis rasmi di perkaranan Ibu Pejabat Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (HEB), di sini.



PENGANUT agama Hindu membuat persiapan untuk memasak Ponggal pada Majlis Sambutan Hari Ponggal Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer.

Menurut Guan Eng, kesederhanaan yang diamalkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menyumbang pada perkembangan ekonomi negeri.

“Keamanan merupakan aspek penting yang membantu untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing.

“Sejak Pakatan Rakyat mengambil alih kuasa pada tahun 2008, negeri Pulau Pinang telah menarik pelaburan sebanyak RM40 bilion untuk tempoh enam tahun di antara 2008 hingga 2013,” ujar beliau.



KETUA Menteri diiringi Prof. Dr. P. Ramasamy (tengah) dan R.S.N. Rayer (depan, kiri sekali) menuangkan susu ke dalam 'periuk ponggal'.

Semarakkan semangat 'Saudara Se-Malaysia' - KM

Gambar: ALISSALA THIAN

SERI DELIMA – Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dilihat tidak pernah berputus asa dalam menentang politik kebencian, perkauman melampau serta penindasan kepada kaum minoriti, dan kali ini beliau menyeru rakyat berbilang kaum di negara ini untuk bersamanya dalam menyemarakkan semangat 'Saudara Se-Malaysia' ke arah masa depan tanah air yang lebih bermaruah.

Katanya, semangat 'Saudara Se-Malaysia' ini akan mendorong tiap-tiap rakyat untuk kembali membincangkan mengenai masalah-masalah besar negara yang didakwa berpunca oleh kepincangan dalam tadbir urus Kerajaan Pusat.

Seruan itu ditujukan kepada rakyat tidak kira umat Islam dan masyarakat bukan Islam, sempena sambutan Hari Ponggal Peringkat Kampung Buah Pala di sini.

“Politik kebencian ini bertujuan untuk mengelak (tiap-tiap rakyat) daripada membincangkan masalah-masalah yang lebih nyata, seperti skandal 1MDB (1Malaysian Development Berhad) atau aliran keluar wang haram yang mencapai RM1.4 trilion antara tahun 2003 hingga 2013.

“Masa depan Malaysia akan terlepas daripada capaian (kekuasaan) BN (Barisan Nasional) dan UMNO kerana ia sedang menumpukan kepada usaha menakut-nakutkan kita dan membangkitkan kebencian yang mengurangkan nilai manusia daripada kalangan warga minoriti.

“Kita mesti menghormati hak dan maruah 'Saudara se-Malaysia' yang berkongsi impian keadilan, demokrasi dan kemakmuran ekonomi serta terkesan dengan masalah-masalah akibat rasuah, salah guna kuasa dan diskriminasi,” ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada majlis sambutan berkaitan di sini baru-baru ini.



R.S.N. Rayer (kanan sekali) dan Ramkarpal Singh (kiri sekali) bergambar dengan salah seorang penerima sumbangan sempena sambutan Hari Ponggal Peringkat Kampung Buah Pala di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer, dan Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor) turut menyertai kerajaan bersama-sama komuniti Tamil di sini.

Di bawah tadbir urus Kerajaan Pusat, Guan Eng berkata, hutang isi rumah bagi tahun 2013 direkodkan membolon pada angka RM243.2 juta, menyamai 67.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun 2002.

Sehingga bulan September tahun lepas, jelas beliau, hutang isi rumah Malaysia turut membolon pada angka RM854.3 bilion menyamai 86.8 peratus daripada KDNK pada tahun 2013 iaitu yang tertinggi di Asia berdasarkan anggaran Bank Dunia.

Selain itu, Guan Eng turut mengutuk golongan ekstremis tertentu yang didakwa seakan cuba mengeksplorasi sentimen agama Islam dan kepentingan kaum minoriti, demi mengukuhkan politik kekuasaan masing-masing.

Guan Eng, Rayer dan Ramkarpal turut menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan bantuan kepada golongan terpilih sempena kerajaan Hari Ponggal.

Misi ke Kelantan bawa Al-Quran, kelengkapan sekolah

Gambar: SHUM JIAN WEI

GEORGE TOWN – Al-Quran, naskah Surah Yaasin, telekong solat, sajadah dan kelengkapan sekolah antara barang keperluan pasca bencana yang dibawa dalam misi kemanusiaan Kelab Kebajikan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (BKMSNPP) kendalian Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng di sini baru-baru ini.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang berkata, inisiatif membabitkan lebih 50 sukarelawan BKMSNPP itu dianjurkan atas semangat federalisme Pulau Pinang dan



CHONG Eng (lima dari kanan) menerima sumbangan bantuan pasca banjir daripada wakil BKMSNPP sambil disaksikan Mohamad Ibrahim (berserban) dan jawatankuasa misi kemanusiaan lain di sini baru-baru ini, untuk dibawa ke Kelantan.

Kelantan.

“Kita (Pulau Pinang) boleh merasai kesusahan yang dialami di Kelantan selepas bencana banjir ini kerana kita pun turut diuji dengan bencana ribut kencang di (Kawasan Parlimen) Balik Pulau baru-baru ini.

“Kumpulan ini akan membawa peralatan pembersihan rumah, dapur gas, alatan memasak, beg sekolah, sajadah, telekong solat, al-Quran, buku Yaasin, alat tulis, wang tunai dan makanan untuk diedar ke sana,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Penasihat Persatuan Belia Kampung Setol, Mohamad Ibrahim dan Pengurus BKMSNPP, Ahmad Syafiq Mohamad Yusof turut menyertai majlis tersebut.

Chong Eng turut melahirkan penghargaan kepada Kelab Rukun Tetangga (KRT) Kampung Setol dekat Permatang Pauh, Persatuan Belia Kampung Setol dan beberapa lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyumbang tenaga bantuan kemanusiaan ke kawasan pasca bencana tersebut.

Difahamkan, misi kemanusiaan pada 16 hingga 18 Januari lepas tersebut ke Kelantan dengan sebuah bas, pacuan empat roda (2) yang sarat membawa barang keperluan berwajib.

Laksana dasar tukang masak tempatan pertahan keaslian masakan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING & MPPP**

GEORGE TOWN - Asam laksa, char kuetiau, mee Hokkien, mee sotong, kuetiau t'thing, chee cheong fun, mee wantan, mee kari dan pasembor antara makanan jalanan tempatan yang cukup sinonim dengan Pulau Pinang.

Malah, asam laksa turut tersenarai di kedudukan ke-tujuh dalam *CNN's World 50 Most Delicious Food* dan Pulau Pinang diiktiraf sebagai *Best Street Food in Asia* oleh *Time Magazine*, selain dipilih sebagai destinasi pelancongan makanan global ketiga terbaik di dunia oleh *VirtualTourism.com*.

Oleh demikian, bagi menjamin reputasi tersebut agar terus dipertingkatkan dan berkekalan, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memberi pengiktirafan kepada penjaja yang memelihara keaslian masakan tempatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri kini dalam usaha merangka Dasar Larangan Warga Asing Memasak Masakan Tempatan Pulau Pinang bagi menjamin keselamatan makanan dan kesihatan orang ramai dengan memperkenalkan

larangan pengambilan warga asing sebagai tukang masak untuk makanan tempatan.

"Ramai yang bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk tidak membenarkan warga asing memasak makanan warisan supaya kita (Pulau Pinang) dapat mempertahankan warisan, rasa serta keaslian masakan tempatan."

"Kita hanya akan membenarkan warga tempatan, tidak kira sama ada dari Pulau Pinang atau mana-mana negeri dalam Malaysia untuk memasak makanan tempatan dan bukannya warga asing yang tidak arif tentang rasa dan keaslian masakan tempatan."

"Imej Pulau Pinang akan hilang jika kita membenarkan warga asing memasak makanan tempatan yang ada," katanya yang hadir pada Majlis Pelancaran Tagline Penang Street Food di Pusat Penjaja Anjung Gurney di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng



LOGO 'Tagline Penang Street Food'.



PASEMBOR.



MEE sotong.



CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) melekatkan pelekat logo 'Tagline Penang Street Food' di gerai laksa seorang peniaga pada majlis pelancarannya di Pusat Penjaja Anjung Gurney di sini baru-baru ini.

Kiang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey; Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye serta Ahli-ahli Majlis MPPP turut hadir pada majlis tersebut.

Jelas Guan Eng, MPPP juga telah melaksanakan kajian lapangan berkaitan masakan tempatan melalui bancian dan secara atas talian dengan melibatkan 14,810 responden pada 25 Julai sehingga 31 Ogos 2014 lalu.

Hasilnya, beliau memberitahu, seramai 12,952 responden atau 87.45 peratus bersetuju bahawa makanan tempatan perlu dimasak oleh orang tempatan, manakala baki 1,858 responden

sahaja tidak bersetuju.

"Ini sekali lagi membuktikan bahawa majoriti bersetuju dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk hanya mengiktiraf penjaja tempatan yang menggunakan tukang masak orang tempatan."

"Buat masa ini, belum ada mekanisme terperinci lagi, tapi kita tetap akan melaksanakannya pada masa depan kerana *Penang Street Food* adalah makanan Penang, jamin tempatan, jamin hebat, *best!*," katanya yang turut melawat ke beberapa buah gerai penjaja tempatan untuk diberikan pelekat khas 'Tagline Penang Street Food'.

Peraduan lukisan poskad - senarai pemenang diperoleh

PEMENANG... Kreativiti para peserta menyukarkan juru-juri jemputan memilih barisan pemenang Peraduan Lukisan Poskad-Kreativiti Anak Penang anjuran sidang redaksi Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dua panel berkaitan adalah Setiausaha Sulit Kanan YAB Ketua Menteri, S. Vijayalakchmi dan Penolong Pengarah (Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian) Unit Perancang Ekonomi Negeri, Muhamad Fariz Osman. S. Vijayalakchmi dan Muhamad Fariz Osman menunjukkan karya-karya sebahagian pemenang Peraduan Lukisan Poskad - Kreativiti Anak Penang selepas selesai sesi pemilihan di sini baru-baru ini.

membabitkan dua kategori penyertaan. Setiap kategori menawarkan hadiah utama wang tunai bernilai RM500, Kedua (RM300), Ketiga (RM150) dan lima hadiah saguhati.



Antara karya kategori terbuka yang diterima.

Muzium Kolonial P. Pinang dibuka

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **MARK JAMES**

GEORGE TOWN - Pulau Pinang kini mempunyai sebuah lagi lokasi tarikan pelancongan baharu iaitu Muzium Kolonial Pulau Pinang.

Terletak di No. 7, Jalan D. S. Ramanathan (dahulunya dikenali sebagai Jalan Scott), muzium pertama seumpamanya dalam kategori warisan berkenaan dirasmikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Dalam ucapan perasmian, Guan Eng percaya bahawa lokasi muzium dan suasana era kolonial yang diterapkan mampu mengembalikan nostalgia sewaktu pemerintahan British di Pulau Pinang.

"Muzium ini akan menjadi medan pendidikan khususnya kepada pelajar dan pengkaji sejarah era kolonial selain menjadi warisan kekayaan negara yang penting," kata beliau yang turut meluangkan masa selama satu jam di muzium berkaitan.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan Muzium Kolonial Pulau Pinang, Eric Ma berkata, dengan bantuan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, keluarganya dapat berkongsi koleksi peribadi yang disimpan sejak tiga generasi lalu.

"Terdapat lebih 1,000 artifak dan koleksi era kolonial milik keluarga kami dan kami amat berbesar hati dapat berkongsi sejarah setiap koleksi dengan para pengunjung," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian muzium tersebut baru-baru ini.



SEBAHAGIAN bahan-bahan pameran yang dipamerkan.

Antara koleksi yang terdapat di muzium ini termasuklah dokumen tulisan tangan milik pengasas Pulau Pinang iaitu Kapten Sir Francis Light bertarikh 28 Julai 1794, lukisan terbalik (*reverse painting*) oleh William Morris & Company (Westminster) Ltd., lukisan kaca berwarna (*stained glass*) hasil karya Hubert McGoldrick, Alfred Ernest Child dan Katherine O'Brien, patung marmar carrara putih hasil Atelier R. Bigazzi Florence dan lain-lain.

Selain ruang pameran, pengunjung boleh meluangkan masa menjamu mata di kedai cenderamata ataupun menikmati hidangan ala kolonial di kafe muzium.

Dibuka setiap hari dari 9.30 pagi hingga 6.30 petang. Bayaran masuk adalah RM20 (dewasa dan pemegang MyKad), RM12 (kanak-kanak dan pemegang MyKid), RM30 (dewasa dan bukan pemegang MyKad) dan RM15 (kanak-kanak dan bukan pemegang MyKid).

Maklumat lanjut boleh layari sesawang, www.colonialpenangmuseum.com atau laman Facebook di Colonial Penang Museum.



SUASANA perkarangan Muzium Kolonial Pulau Pinang.

Tanah perkuburan 226 tahun siap dinaiktaraf

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Tanah Perkuburan Protestan diasaskan Syarikat Hindia Timur Inggeris pada 1786 kini dibuka semula kepada umum setelah penyempurnaan kerja-kerja menaiktaraf dilaksanakan sejak Oktober tahun lalu.

Kerja-kerja menaiktaraf tanah perkuburan berusia 226 tahun yang menjadi tempat persemadian pengasas Pulau Pinang, Kapten Sir Francis Light itu menelan kos RM230,000, ditanggung sepenuhnya oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI).

Antaranya, melibatkan penyediaan laluan pejalan kaki baru, tempat duduk, meratakan tanah di kawasan yang rendah, memasang lampu solar LED, membina pondok, tempat letak basikal, membaiki tiang pagar yang rosak, membina parit, memasang papan tanda baru, membina penghadang laluan di pintu masuk, membaiki kubur-kubur yang rosak dan pemetaan kubur.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir ke Majlis Penyempurnaan Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Protestan berkata, tanah perkuburan tersebut menjadi salah satu ikon sejarah


yang masih terpelihara sehingga ke hari ini.

"Terdapat 459 kubur di tapak ini yang masih terpelihara walaupun sebahagiannya telah musnah rentetan dibom oleh tentera Jepun semasa Perang Dunia Ke-Dua.

"Saya difahamkan hasil dari tinggalan batu nisan di sini, terdapat sekurang-kurangnya 10 kumpulan etnik termasuk Armenia, Australia, Belanda, British, Ireland, Jerman, Perancis, Scotland, Amerika dan China.

"Sungguhpun tanah perkuburan di sini menjadi destinasi terakhir beberapa individu terkemuka, ia kini menjadi lokasi tarikan pelancongan yang unik dan penuh sejarah," ujar beliau.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir,



SUASANA Tanah Perkuburan Protestan yang siap dinakitaraf dengan laluan khas.

Chow Kon Yeow; Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang; Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik; Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye dan wakil-wakil dari GTWHI.

Serentak itu, Guan Eng bagi pihak Kerajaan Negeri menyeru semua pihak untuk sama-sama memelihara, mempertahankan dan mengabadikan aset-aset warisan demi penghayatan generasi akan datang.


Dalam pada itu, Pengurus Besar GTWHI, Lim Chooi Ping berkata, sehingga kini, pihaknya tidak mempunyai rekod lengkap berhubung tapak-tapak sejarah dan dalam usaha memeta, mendokumentasi dan menyediakan laporan kajian dilapidasi bagi semua aset warisan terutama di dalam

Bandar Warisan George Town.

Sebagai rekod, Tanah Perkuburan Protestan yang terletak di Jalan Sultan Ahmad Shah tersebut bukan sahaja menjadi tempat persemadian pengasas Pulau Pinang, tetapi turut menjadi pilihan mantan-mantan Gabenor awal George Town seperti Philip Dundas, William Petrie dan John Alexander Bannerman.

Selain itu, pengasas Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free, Reverend Robert Sparke Hutchings; James Richardson Logan (pegumat); isteri dan anak pengasas broker saham pertama di George Town, A.A. Anthony dan Thomas Leonowens (suami kepada Anna Herriette Edwards – guru kepada Raja Siam yang popular dalam novel 'Anna and The King of Siam') juga bersemadi di tapak ini.

Menariknya, kira-kira 30 pelarian dari Pemberontakan Taiping (Selatan China) sekitar tahun 1860-an yang dipercayai berketurunan Kristian Hakka turut disemadikan di sini.



BATU nisan Kapten Sir Francis Light.

KN 'facilitator' isu setinggan Jalan Pantai - Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BAGAN JERMAL - Seramai 100 pemilik pelbagai jenis premis setinggan dalam sebuah kampung dekat Jalan Pantai di sini bersetuju menerima pampasan antara RM8,000 hingga RM40,000 ditawarkan pemaju, manakala, rundingan berwajib masih dilakukan dengan 40 pihak lain hingga kini.

Itu, tidak termasuk pampasan berjumlah RM75,000 yang dibayar kepada pemilik premis setinggan Restoran Ban Long San di sini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, Kerajaan Negeri akan bertindak sebagai perantara memandangkan isu setinggan tersebut sebenarnya membabitkan penduduk asal dan tuan tanah serta pemaju.

"Mereka (penduduk setinggan) boleh tuntut apa pun kerana ini antara mereka dengan pemaju dan tuan tanah, tetapi biarlah munasabah untuk semua pihak."

"Kerajaan Negeri sebagai fasilitator untuk semua pihak berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Menurut Boon Poh, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) hanya akan meluluskan permohonan Pelan Kebenaran Merancang apabila rundingan melibatkan penduduk setinggan, pemaju dan tuan tanah disahkan selesai.

Sebelum itu, Pengarah Urusan Tah Wah Group (pemaju), Datuk Hong Yeam Wah berkata, pihaknya masih membuka pintu rundingan untuk baki 40 pemilik premis

settinggan di sini menuntut pampasan yang munasabah iaitu di bawah jumlah siling RM50,000.

"Kita pun (Tah Wah Group) tidak buat permohonan (Pelan Perancangan Pembangunan) untuk projek di sini kerana ia tidak akan diluluskan sehingga rundingan dengan 40 (pemilik premis settinggan) di sini selesai."

"Tuntutan pampasan di bawah RM50,000 boleh kita teruskan rundingan secara bersama-sejaka dua tahun lepas hingga sedikit tempoh pada masa depan," ujar beliau.

Bagaimanapun, Yeam Wah berkata, pihaknya dalam tempoh dua tahun ini akan memajukan projek rumah lima tingkat kos rendah berharga RM42,500 di Lorong 3 Kepala Batas, yang mungkin penduduk asal di sini berminat untuk membeli premis tersebut kelak.

"Ada lebih 100 unit rumah kos



PHEE Boon Poh (kanan sekali) mendengar penjelasan Hong Yeam Wah (kiri sekali) berhubung pampasan premis settinggan di sini baru-baru ini.

rendah berdekatan kawasan bandar Kepala Batas untuk mereka yang berminat.

"Tetapi, memang tidak ada tuntutan (pampasan dalam bentuk) rumah ganti rumah kerana bayaran dibuat dalam tunai sahaja," ujar Yeam Wah.

Difahamkan, Tah Wah Asset dan satu pemaju lain, Magnum

Development Sdn. Bhd. terbabit memajukan projek pembangunan masing-masing di atas tanah tersebut, berkeluasan 10 ekar di sini.

Ketuanpunyaan asal tanah itu dikatakan milik Tuan Haji Salleh Datuk Awang dan "Haji Ismail", sebelum jatuh ke tangan seorang "Ceti" kemudiannya.



PARA jururawat dan petugas Hospital Pantai Pulau Pinang mengambil peluang merakam gambar kenang-kenangan dengan Ketua Menteri pada majlis perasmian pembukaan Wad pemulihian jantung pusat perubatan berkaitan di sini baru-baru ini.

P. Pinang punyai prospek industri pelancongan perubatan - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **KOAY SHIANN HUAH**

BAYAN LEPAS – Pembangunan lebih banyak hospital persendirian berkualiti di negeri ini sekaligus bakal menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar perubatan pilihan di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Wad Pemulihian Jantung Hospital Pantai Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

“Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan sebuah bandar perubatan di rantau ini yang menggalakkan pembangunan semua hospital persendirian secara sendiri, dengan kualiti penjagaan kesihatan standard,” katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan kepada wartawan pada majlis berkaitan.

Ketua Pegawai Eksekutif Pantai Holdings, Datuk Khairil Anuar dan Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pantai Pulau Pinang, Lai Yeu Kong turut menyertai majlis perasmian tersebut.

Menurut Guan Eng, Malaysia

khususnya Pulau Pinang mempunyai prospek industri pelancongan perubatan yang memberangsangkan dengan catatan RM295 juta hasil bagi tahun 2013, berbanding RM262 juta bagi tahun sebelumnya.

“Peningkatan kira-kira 11 peratus daripada tahun sebelumnya (2012).

“Pulau Pinang menyumbang dua pertiga daripada pendapatan pelancongan perubatan di negara ini,” jelas beliau.

Statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan hasil pelancongan perubatan pada tahun 2013 berjumlah RM690 juta, berbanding RM574 juta, dengan kiraan 16 peratus bagi tahun sebelumnya.

Seramai 770,134 pesakit daripada seluruh dunia mendapatkan rawatan hospital di negara ini pada tahun 2013, berbanding 671,727 (2012).

Di Pulau Pinang pula, jumlah pelancong kesihatan pada tahun 2014 meningkat kepada 351,673 pesakit, berbanding 297,850 orang (2013).

Kutipan sampah pukal Tahun Baru Cina bermula 14 Feb.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

SEBERANG JAYA - Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, (MPSP), Dato' Maimunah Sharif memaklumkan bahawa kutipan sampah pukal antaranya membabitkan barang perabot lama yang dibuang akan bermula 14 hingga 18 Februari ini sebagai persediaan sambutan Tahun Baru Cina di Seberang Perai secara keseluruhan.

“Seramai 36 pegawai bertugas yang dibahagikan mengikut kawasan Parlmen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) diarahkan untuk bersiap-sedia dalam tempoh 24 jam bagi memastikan inisiatif tersebut berjalan lancar dan tidak

mencemarkan kawasan-kawasan pembuangan sampah.

“Kebanyakan pegawai dan anggota bertugas turut dibekukan cuti masing-masing bagi menjamin tiada sebarang masalah yang timbul kelak.

“Malah, sekiranya terdapat sebarang masalah, penduduk boleh menghubungi pegawai bertugas sebagaimana senarai di Lampiran 1,” ujarnya pada sidang media selepas tamat Mesyuarat Majlis Penuh MPSP kali ke – 1/2015 (487) di sini baru-baru ini.

Tambah Maimunah, MPSP turut prihatin apabila turut menyediakan skuad tambahan (backup) untuk bertugas pada tempoh 19 hingga 20 Februari (ini) iaitu pada hari pertama dan kedua sambutan Tahun Baru Cina.

Lampiran 1.

Jadual Pembersihan Sisa Pukal Sempena Tahun Baru Cina 2015

Parlimen	Zon	Kawasan	Tarikh Kutipan	Tarikh Back Up	PIC	No. Tel.	PKAK	KPPKP/PPKP
Parlimen P41	1	Penaga	14.02.15	19.02.15	Guzaimi Harun	017-5962827	Mohd. Tahir Othman 012-4740526	S.Rejeswari 0111-2192708
K. Batas	2	Bertam	15.02.15	20.02.15	Guzaimi Harun	017- 596.2827		
(04-5750572	3	P. Tunggal	16.02.15		Mohamad Zulkifli Manaf	017- 654 7576		
	4	P. Tunggal	17.02.15		Mohamad Zulkifli Manaf	017- 654 7576		
			18.2.15					
Parlimen	Zon	Kawasan	Tarikh Kutipan	Tarikh Back Up	PIC	No. Tel.	PKAK	KPPKP/PPKP
Parlimen P42	5	Pmtg. Berangan	14.02.15	19.02.15	Khairulnizam Abdul Hamid	011 - 23429441	Ahmad Abdul Rahman 012 - 4740526	Norshahada Ramli 013 - 26488642
T. Gelugor	6	Sungai Dua	15.02.15	20.02.15	Mohd. Aslahusni Ahmad	017 - 9694063		
04-5731576	7	Tlk. Air Tawar	16.02.15		Ramli Ahmad	019 - 3759538		
			17.02.15					
			18.02.15					
Parlimen	Zon	Kawasan	Tarikh Kutipan	Tarikh Back Up	PIC	No. Tel.	PKAK	KPPKP/PPKP
Parlimen P43	8	Sg. Puyu	14.02.15	19.02.15	Siti aminah Ahmad	012 - 4634564	Mohd. Sabri Mohd. Sidik 012-4740535	Siti Nur Azani Azizan 019 2593317
Bagan	9	Sg. Puyu	15.02.15	20.02.15	Nur Syuhada Zainal Anuar	019 - 4799001		
04 3232821	10	Bgn. Jermal	16.02.15		Zaini Abd Rashid	019 - 4506946		
	11	Bgn. Jermal	17.02.15					
	12	Bgn. Dolam	18.02.15		Ahmad Fadli Jamil	012 - 5194488		
Parlimen	Zon	Kawasan	Tarikh Kutipan	Tarikh Back Up	PIC	No. Tel.	PKAK	KPPKP/PPKP
Parlimen P44	13	Seb. Jaya	14.02.15	19.02.15	Nornadiyah Abd. Rasiad	019 - 5597890	P. Kumar 012 4740519	Mohd. Norazizul Shahabdin 013 3041331
Pmtg Pauh	14	Seb. Jaya	15.02.15	20.02.15	Sakirah Md. Hassan	017 - 4439844		
04 3232821	15	Perda	16.02.15		Hafizah Mohd. Syukri	013 - 3001705		
	16	Pmng. Pasir	17.02.15		Ahmad Fauzi Johari	017 - 4669306		
	17	Penanti	18.02.15		Mohd. Zabani Mohd. Zahir	012 - 5655882		
Parlimen	Zon	Kawasan	Tarikh Kutipan	Tarikh Back Up	PIC	No. Tel.	PKAK	KPPKP/PPKP
Parlimen P45	18	Berapit	14.02.15	19.02.15	S. Vishalini	016 - 4114045	M. Murugayah 012 - 4984545	Zakaria Husin 019 - 4328433
Bkt Mertajam	19	Berapit	15.02.15	20.02.15	Barahudin Mansor	012 - 5650696		
04 3991600	20	Mcg. Bubuk	16.02.15		Jafri Hamdan	012 - 4122962		
	21	Mcg. Bubuk	17.02.15		Norhasri Nor Rashid	013 - 5226510		
	22	Mcg. Bubuk	18.02.15		Ahmad Suhairi Sidik	017 - 5884743		
Parlimen	Zon	Kawasan	Tarikh Kutipan	Tarikh Back Up	PIC	No. Tel.	PKAK	KPPKP/PPKP
Parlimen P46	23	Pdg. Lalang	14.02.15	19.02.15	Zool Hilmi Roslan	019 - 4816161	Mohd Awaludin Mohd Mustafa 012-4677354	Abd Wahab Jaafar 012 - 4817119
Batu Kawan (Jln Betik)	24	Pdg. Lalang	15.02.15	20.02.15	Mohd Nazlan Ahmad	016 - 5344856	012 - 4677354	
04 5402568	25	Perai	16.02.15		Mohd Anas Muslim	017 - 4879501		
	26	Kaw. Inds. Perai	17.02.15		Mohd Syahir Rosli	014 - 3464317		
	27	Bkt. Tengah	18.02.15		Zulkifli Bahrin	012 - 2881516		
Parlimen	Zon	Kawasan	Tarikh Kutipan	Tarikh Back Up	PIC	No. Tel.	PKAK	KPPKP/PPKP
Parlimen P46	28	Bkt. Tengah	14.02.15	19.02.15	Azman Ismail	012 - 584265	Azhar abu Bakar	Mohd Yusran Mohd Yunus 019 - 5729556
Batu Kawan (Asas Murni)	29	Bkt. Tengah	15.02.15	20.02.15	Muhd saiful Asri Samsuri	013 - 4592755	012 - 4740507	
04 5881078	30	Bkt. Tambun	16.02.15		Muhsukeri Mansor	012 - 4202053		
	30A	Bt. Kawan	17.02.15		Salmiah Mat Isa	019 - 4755691		
	30B	Bkt. Tambun	18.02.15		Mohd Aiman Mohd Noor	016 - 4586745		
	31	Bkt. Tambun			Muhammad Aliff Razali	017 - 4128133		
	37	Bkt. Tambun			Muhammad Razizi Razali	017 - 4289026		
Parlimen	Zon	Kawasan	Tarikh Kutipan	Tarikh Back Up	PIC	No. Tel.	PKAK	KPPKP/PPKP
Parlimen P47	32	Jawi	14.02.15	19.02.15	Burhanuddin Mohd Nasir	013 - 4196355	Ebrahim Shah Vss Abdul	Mohd Yusran Mohd Yunus 016 - 4810511
Nibong Tebal	33	Jawi	15.02.15	20.02.15	Mohd Haniba Ibrahim	016 - 4310166	016 - 4810511	
04 5823325	34	Sg. Bakap	16.02.15		Norkasniza Mat Kasa	019 - 4744650		
	35	Sg. Bakap	17.02.15		R. Sugan Raj	0111 8827262		
	36	Sg. Aceh	18.02.15		V. Sundram	019 - 4247689		

JADUAL maklumat kutipan sampah pukal MPSP.

Jom alami kebebasan!

J O M a l a m i pengalaman terapung di udara di Padang Polo, Pulau Pinang dengan menaiki belon udara panas sambil menikmati panorama indah Tapak Warisan Dunia George Town pada 21 dan 22 Februari 2015.

Nikmati pengalaman yang tidak berkesudahan dalam 'Fabulous February Fiesta' di Pulau Pinang sebagai acara pembukaan Festival Tahunan sempena Tahun Melawat Pulau Pinang tahun 2015 (Visit Penang Year 2015 – VPY2015).

Julung kali dianjurkan di George Town, Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang – dengan pelbagai bentuk belon besar terapung bebas di udara – akan menjadi acara kemuncak utama VPY2015.

Acara yang bernilai RM650,000 ini ditaja oleh Kerajaan Negeri, pastinya akan memberi peluang buat pengunjung merasai sendiri pengalaman sekali seumur hidup,



terapung di udara. Sejumlah 15 belon udara panas akan berlegar selama dua (2) hari sepanjang

perjanjuran fiesta yang terbuka kepada semua peringkat usia. Bermula seawal jam 6.00 pagi sehingga 9.00 malam di Padang Polo, pesediaan untuk berlepas akan dilakukan pada jam 7.00 pagi dan pelepasan ke udara bermula jam 7.30 pagi.

Jadi, jom beramai-ramai alami pengalaman bebas di udara atau menyaksikan belon udara panas berlegar bebas dari Taman Belia (Taman Perbandaran) pada kedua-dua hari tersebut.

Sepanjang dua hari penganjurannya, terdapat tiga (3) belon udara panas yang diikat dan terbuka kepada umum dengan bayaran RM25 setiap seorang, manakala bagi belon pengembungan sejuk bayaran RM5 bagi orang ramai


yang ingin merasai pengalaman berada dan bergambar dalam belon udara panas.

Menariknya, terdapat tiga (3) belon udara panas mempunyai reka bentuk istimewa yang pastinya memukau pengunjung yang hadir iaitu Trump, Darth Vader dan Humpty Dumpty.

Selain belon udara panas yang mengagumkan, terdapat juga aktiviti untuk seisi keluarga seperti taman permainan boleh kembung, (inflatable playgrounds), bengkel kreatif, acara memanah, pertandingan fotografi, persembahan paramotor, kapal terbang / helikopter kawalan jauh dan banyak lagi.

Jika itu tidak memadai, terdapat juga acara larian amal pada 21 Februari 2015 (Sabtu) jam 7.00 pagi dari Padang Polo ke Taman Belia. Sebanyak RM28 dikenakan bagi pendaftaran acara larian. Layari laman sesawang mypenang.gov.my/hab untuk pautan pendaftaran dan butiran lanjut acara larian amal.

Bagi kemudahan orang ramai yang ingin ke Fiesta Belon Udara



Panas Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik dari tiga lokasi berbeza. Lokasi dan masa perkhidmatan bas adalah seperti berikut:

A. Jeti – Komtar – Padang Polo / Padang Polo – Komtar – Jeti

Hentian: Terminal Rapid Penang (Jeti), Komtar & Padang Polo (di Sepoy Line)

Waktu Operasi: 7.00 pagi – 10.00 malam

Kekerapan: Setiap 30 minit – 60 minit

Jumlah bas: 3

B. Tesco Tanjung Tokong – Padang Polo

Hentian: Jalan Sri Tanjung Pinang (berdekatan TESCO) & Padang Polo (di Sepoy Line)

Waktu Operasi: 7.00 pagi – 10.00 malam

Kekerapan: Setiap 45 minit – 60 minit

Jumlah bas: 2

C. Queensbay Mall – Padang Polo

Hentian: Terminal Bas Sungai Nibong – Hentian Bas Queensbay Mall – Padang Polo (di Sepoy Line)

Waktu Operasi: 7.00 pagi – 10.00 malam

Kekerapan: Setiap 60 minit

Jumlah bas: 2

Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Penang Global Tourism serta usahasama Tourism Malaysia. Rakan pengajur bersama AKA Ballon Sdn. Bhd., Today Lifestyle Marketing dan ActifeStyle. Rangkaian radio rasmi; Fly FM.

Untuk perkembangan terkini dan butiran lanjut serta profil juruterbang belon udara panas, sila layari laman sesawang mypenang.gov.my/hab atau #mypenanghab untuk butiran langsung dan gambar.



Penang Hot Air Balloon Fiesta 2015 – programme schedule

Time	Saturday, 21 Feb	Sunday, 22 Feb
6am	Event starts with food stalls & handicraft stalls	
7am – 9am	Balloons on display	
7am – 9.30am	Fun Run starts from Padang Polo to Youth Park (Saturday only)	
7.15am	Ticket counter opens for first tethered ride	
7.30am – 10.30am	Tethered balloon ride	
7.30am	Free Flying (taking off from Youth Park)	
9am – 12pm	Cold inflation	
10am – 10.30am	Meet & greet with balloonist	
10am - 12pm	Batik colouring by Tourism Malaysia	
10am – 6pm	Local Craft and food produced by Homestay Teluk Bahang	
9am – 9pm	Inflatable playground opens for kids	
9am – 10am	Paramotor show Route: Padang Kota Lama – Gurney – Pulau Tikus – Padang Polo – Komtar – Jetty – Padang Kota Lama	
9am – 1pm	Fun Archery	
10am – 6pm	Local Craft and food produced by Homestay Teluk Bahang (IKS products)	
10am – 12pm	Batik colouring by Tourism Malaysia	
11am – 12pm	Colouring competition	
12pm – 2pm	Workshops	
2pm – 4pm	Remote plane / helicopter demonstration	
4pm – 6pm	Batik colouring by Tourism Malaysia	
4pm – 6pm	Cold Inflation	
5pm – 6pm	Paramotor show (Saturday Only) Route: Padang Kota Lama – Gurney – Pulau Tikus – Padang Polo – Komtar – Jetty – Padang Kota Lama	
5pm – 5.30pm	Meet & greet with balloonist	
5.45pm	Ticket counter opens for second tethered ride	
6pm – 9pm	Tethered balloon ride & balloons on display	
8.30pm – 9pm	Display of night glow balloons	

➤ Programme itinerary is subject to change without prior notice. Please refer to www.mypenang.gov.my/hab for latest updates.

➤ Balloon activities are subject to weather conditions.

Matlamat desentralisasi adalah tadbir urus cekap

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Ahli Parlimen Bukit Bendera
merangkap Pengarah
Eksekutif Penang Institute.

SEBUAH makalah saya baru-baru ini yang mencadangkan desentralisasi kuasa di Malaysia berjaya menarik banyak kritikan dan serangan liar oleh kuncu-kuncu Umno, seperti Ahli Parlimen Kepala Batas Dato' Seri Reezal Merican dan akhbar harian milik Umno, *Utusan Malaysia*. Menurut mereka, cadangan saya merupakan satu serangan ke atas Perlembagaan Persekutuan serta juga satu cubaan menghasut (apa yang tidak, hari ini?)

Saya bingkas membangkitkan fakta – bahawa sebenarnya terdapat peruntukan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan (Perkara 76A) yang membolehkan Parlimen untuk mewakilkan kuasa persekutuan kepada pihak berkuasa negeri. Dalam erti kata lain, pengagihan kuasa daripada persekutuan kepada negeri itu bukan sekadar dibenarkan tetapi sebenarnya diperuntukkan oleh undang-undang tertinggi negara kita.

Pada masa yang sama, saya juga menyerahkan hipokrasi Umno berhubung perkara ini. Sekiranya menyerahkan kuasa pusat kepada negeri itu dianggap menghasut, mengapa apabila sebaliknya dilakukan, tidak pula dikira menghasut?

Sejak empat puluh tahun dahulu, kerajaan persekutuan telah secara beransur-ansur merampas kuasa daripada negeri dan kerajaan tempatan dalam bidang-bidang yang bersifat tempatan, seperti pembetungan, pengurusan sisa pepejal, pembersihan awam dan sebagainya. Hakikatnya, kerajaan persekutuan Barisan Nasional (BN) yang sebenarnya menentang semangat persekutuan.

Walau bagaimanapun, selain tidak menghormati niat asal kontrak persekutuan negara kita, trend pemusatkan kuasa secara berlebihan ini menghasilkan dua akibat utama.

Pertama, ia meningkatkan skala rasuah dan korupsi. Sebagai contoh, jelas bahawa terdapat kecenderungan untuk memusatkan bidang-bidang yang melibatkan kontrak pengurusan, pemberian lesen, serta projek infrastruktur. Oleh itu, lebih banyak kuasa yang terpusat, lebih mudah untuk kerajaan persekutuan mengagihkannya kepada naungan politik mereka.

Kedua, tindakan untuk menguruskan segala-galanya daripada kuasa pusat terbukti tidak berkesan, khususnya dalam bidang seperti pengangkutan awam, di mana perubahan laluan bas pun memerlukan kelulusan daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat di bawah Jabatan Perdana Menteri. Akibatnya, amat sukar bagi kerajaan negeri yang dipilih rakyat untuk membuat penambahbaikan kepada infrastruktur pengangkutan awam. Malah penyenggaraan jalan tertakluk kepada pemilik yang berbeza – persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan.

Jalan buntu

Akibat kawalan hampir mutlak BN ke atas badan perundangan persekutuan dan negeri,

**Serambi
PENANG
INSTITUTE**
making ideas work

agenda pemusatkan BN berjaya terhindar daripada penelitian awam. Hal ini tidak lagi berlaku dalam persekitaran sistem dua parti kini. Jika dahulu mungkin tidak bermasalah sangat apabila kerajaan negeri tidak mempunyai banyak kuasa selagi kerjasama diberi oleh kerajaan pusat, namun ia jelas tidak sama apabila pihak pembangkang memegang kuasa di peringkat negeri.

Dalam kes Kelantan, negeri yang diperintah Pas selama 43 daripada 58 tahun sejak 1957, royalti minyak mereka pun dinafikan. Terengganu juga menyaksikan pembayaran royalti minyak mereka dihentikan apabila Pas memerintah negeri itu antara tahun 1999 dan 2004. Sikap pilih kasih ini terserlah apabila negeri-negeri yang dikuasai BN seperti Sabah dan Sarawak tidak mempunyai masalah menerima bahagian pendapatan minyak mereka, seperti yang ditetapkan dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974. Jika undang-undang yang termaktub pun boleh dinafikan, bagaimanakah mungkin negeri-negeri pembangkang bergantung kepada kerjasama kerajaan persekutuan?

Sikap kerajaan pusat BN telah menyebabkan kebuntuan dalam pembangunan negeri kawalan pembangkang. Di Pulau Pinang, percubaan kerajaan negeri untuk meningkatkan mutu pengangkutan awam telah gagal berkali-kali. Malah, tawaran kerajaan negeri untuk membayar pengendali bas RapidPenang untuk menyediakan perjalanan bas percuma



ZAIRIL Khir Johari (tiga dari kanan) menikmati sajian tengah hari bersama-sama Ustaz Shahul Hamid dan Ahli Jawatankuasa Qariah Masjid Bagan Jermal.

di seluruh negeri pada waktu puncak dalam usaha untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam telah ditolak oleh syarikat bas milik Kementerian Kewangan itu.

Tadbir urus yang lebih cekap

Desentralisasi fiskal perlu menjadi perkara teratas dalam senarai keutamaan. Tanpanya, negeri-negeri akan terus mengalami kelemahan pentadbiran. Dalam kebanyakan model persekutuan, pendapatan akan dikongsi antara negeri dan persekutuan. Secara lazimnya, cukai yang dipungut akan diagihkan kepada negeri-negeri berdasarkan formula yang mengambil kira sumbangan negeri tersebut serta tahap pembangunannya.

Namun di Malaysia, tidak ada mekanisme perkongsian cukai. Dana persekutuan yang disediakan bagi negeri hanyalah Geran Kapitasi, Geran Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri serta geran-geran kecil untuk pihak berkuasa tempatan. Jumlah kesemua geran itu hanyalah sekitar RM150 juta setahun

untuk negeri seperti Pulau Pinang. Sementara itu, dana pembangunan negeri pula tidak diuruskan oleh kerajaan negeri. Sebaliknya, ia dikawal oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri, iaitu sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Akibatnya, kerajaan negeri kekeringan dana dan terlalu bergantung kepada pendapatan daripada hartanah, tanah, lombong, hutan dan cukai majlis tempatan. Sebagaimana yang boleh dibayangkan, jumlah pendapatan ini tidak banyak. Kekangan Perlembagaan juga bermakna bahawa kerajaan negeri tidak dibenarkan mengumpul dana melalui pinjaman. Akibatnya, bajet 2015 Pulau Pinang hanyalah 0.4 peratus daripada Bajet Persekutuan 2015. Ini adalah satu nisbah yang sangat kecil memandangkan Pulau Pinang merupakan negeri kedua paling maju selepas Selangor.

Selain formula perkongsian hasil yang lebih saksama, terdapat juga keperluan mendesak untuk mengkaji semula keberkesan pemusatkan yang berlebihan dalam sektor seperti pendidikan (pengetua sekolah, misalnya, tidak berkuasa dalam pengambilan dan pemecatan guru), perumahan (khususnya apabila tanah adalah di bawah bidang kuasa negeri) dan kebijakan, bersama-sama dengan sektor yang secara lazimnya bersifat tempatan seperti pengangkutan awam, pengurusan sisa, pembersihan awam dan pembetungan.

Dalam konteks ini, rasional di sebalik gesaan untuk desentralisasi bukanlah untuk mengurangkan kawalan politik kerajaan pusat semata-mata, tetapi sebenarnya untuk mewujudkan tadbir urus yang lebih cekap, berkesan dan bertanggungjawab.

Dalam erti kata lain, pengagihan kuasa pusat merupakan satu keperluan mendesak bagi mengurangkan campur tangan persekutuan dalam perkhidmatan tempatan, membolehkan kerajaan negeri untuk melaksanakan mandat mereka, serta meningkatkan kadar responsif dan penyampaian perkhidmatan di setiap peringkat kerajaan.



AKSI Zairil Khir Johari (kanan sekali) bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng (kiri sekali) pada Majlis Malam Penghargaan Kakitangan Perbadanan Bukit Bendera.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2015**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Loh Joo Huat	012 - 422 1133
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Tiagarajen A/L Annamalai	010 - 387 9305
Ong Eu Leong	010 - 770 0508
Ho Leng Hong	017 - 487 2767
Shafiqah Shobha Abdullah	016 - 496 1659
Mohd. Rizal Abd. Hamid	012 - 424 3878
Rajasegar a/l Govindasamy	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim	018 - 576 1622
Zaini Awang	019 - 546 3115 019 - 493 6161
Amir Md. Ghazali	013 - 584 8386
Mohd. Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Omar Hassan	019 - 571 8031
Dahalan Fazil	019 - 727 4388
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822
Wong Chee Keet	012 - 451 1312

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2015**

Nama	Telefon
MPPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Sukumar a/l Subramaniam	019 - 442 2113
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Kim Hooi	016 - 438 7855
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Lim Boon Beng	012 - 564 4400
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam	014 - 945 9621
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Yacoob Omar	013 - 420 3611
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Sha'ari Md. Salleh	013 - 788 7786
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

Jurugrafik:

IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat

04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang 2015**

**Rumah Terbuka
Tahun Baru Cina
YAB Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang**

**檳州首席部長
林冠英新春團拜**

**Chief Minister of Penang
Chinese New Year Open House**

பினாங்கு முதல்வரின் சீனப் புத்தாண்டு திறந்த இல்ல உபசரிப்பு

**19.02.2015
(Khamis / 大年初一)
10.30 pg. - 12.30 tgh.
SPICE, Relau/湖內**

Semua Dijemput Hadir



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S.M. Mohamed Idris (bersongkok) pada Majlis Perasmian Muzium Kolonial Pulau Pinang.



SEORANG peniaga pasembur menunjukkan tanda bagus ekoran inisiatif Kerajaan Negeri melancarkan tagline street food Pulau Pinang di Anjung Gurney.



PERSEMBAHAN menarik pada majlis sambutan Pesta Perayaan Ponggal Peringkat Negeri 2015.

EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng (barisan belakang, empat dari kanan) bergambar kenangan dengan para atlet negeri selepas selesai sidang media pengumuman roadshow Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang 2015.

KETUA MENTERI sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri beramah-mesra dengan salah seorang kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam Majlis Perasmian Pembelajaran ESTEEM Pusat Pembelajaran Pulau Pinang Karpal Singh.



EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin beramah-mesra dengan seorang kanak-kanak yang membuat persembahan sempena Majlis Penyampaian Sumbangan Implan Koklea dan Pemulihan di salah sebuah pusat perubatan di sini.



GOLONGAN kanak-kanak yang terlibat dalam persembahan Majlis Sambutan Ponggal Taman Buah Pala.



AKSI beberapa pelajar pada Majlis Penyampaian Bantuan Kepada Pelajar Kurang Mampu Peringkat Parlimen Bagan.

POS kenakan caj tambahan 90 sen, bukan PBAPP – Jaseni

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air (PBA) Holdings Berhad yang juga Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Ir. Jaseni Maidinsa berkata, bil air yang dibayar di sembilan kaunter PBAPP tetap tidak akan dikenakan caj tambahan 90 sen, sebagaimana di Pejabat POS Malaysia (POS) kini.

“PBAPP ingin menegaskan bahawa pembayaran caj (tambahan) RM0.90 sen ini dikenakan oleh POS untuk kutipan bil air.

“PBAPP tidak mendapat apa-apa daripada bayaran RM0.90 (yang ditetapkan)

POS Malaysia,” ujarnya pada kenyataan dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Untuk mengelak caj perkhidmatan yang dikenakan POS, jelas beliau, proses pembayaran boleh dilakukan di sembilan kaunter PBAPP iaitu di Komtar, Balik Pulau, Bayan Baru, Bukit Mertajam, Jawi, Kepala Batas, Kompleks Perai dekat Fasa 4 Kawasan Perindustrian Perai, Rifle Range dan Taman Selat dekat Bagan.

Malah, katanya lagi, proses pembayaran bil air di semua pusat-pusat pungutan terpilih seperti di Tenaga Nasional Berhad (TNB), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Telekom Malaysia turut tidak



IR. Jaseni Maidinsa.

akan dikenakan apa-apa caj tambahan.

“PBAPP tidak memaksa pengguna

Terdahulu, pelanggan PBAPP dari Bandar Sri Pinang dan Taman Hijau menuntut penjelasan PBAPP berhubung caj tambahan sebanyak 90 sen yang dikenakan untuk pembayaran bil air di kaunter POS atau Pos Mini.

Sambil mendakwa PBAPP cuba berdiam diri berhubung perkara berbangkit tersebut, wakil mereka mendesak PBAPP supaya menyerap caj tambahan tersebut atas alasan membebangkan lebih 500,000 pengguna bekalan air di negeri ini.

Tambah Jaseni yang tampil menjelaskan sekali lagi mengenai status sebenar caj perkhidmatan bernilai 90 sen yang dikenakan POS itu, bukanlah cadangan daripada PBAPP.

SILANG KATA Sejarah Pulau Pinang

Melintang :


1. Negeri yang berkait rapat dengan sejarah Pulau Pinang.
3. Roda tiga.
5. Kapten yang dikenali sebagai pengasas Pulau Pinang.
8. Bersama-sama Pulau Pinang dan Singapura menjadi kawasan penempatan selat.
10. Wilayah
12. Ibu negeri Pulau Pinang.
13. Pusat pentadbiran Kerajaan Negeri.

Menegak :

2. Tempat persinggahan kapal dari luar.
4. Raja buah.
6. Rojak.
7. Pengangkutan air.
9. Kedudukan pulau di permulaan _____.
11. Makanan popular di Pulau Pinang.
14. Acara tahunan pada penghujung tahun.

Lengkapkan slogan dibawah :

Saya inginkan sebuah Pulau Pinang yang



(tidak melebihi 30 patah perkataan)

Tarikh Tutup Peraduan :
30 Jun 2015

Sila isi butiran berikut:

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

No. Telefon : (Rumah) (Bimbit) :

Emel:

Termasuk Syarat Peraduan:

1. Teka silang kata : Peraduan dibuka dari **1 Februari 2015** hingga **30 Jun 2015**.
2. Peraduan terbuka kepada semua.
3. Lengkapkan silang kata di atas dan slogan.
4. Slogan adalah tidak melebihi 30 patah perkataan.
5. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
6. Peserta boleh menghantar **SATU** penyertaan sahaja.
7. Hanya penyertaan lengkap bakal diadili.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengangur adalah tidak sah.
9. Keputusan pengadil adalah muktamad.
10. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04 - 650 5564 / 5256 / 5704.
11. Alamatkan semua borang penyertaan kepada :
Buletin Mutiara, Peraduan Silang Kata - Sejarah Pulau Pinang,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Hadiyah Utama :
RM 500

JANUARI

4 Jan. : Ideal Property CFAL TriState (Penang, Kedah, Perak)
Masa : 8.7.00 pagi
Tempat : Autocity, Juru
Penganjur : G-Club Penang

11 Jan. : Penang Run
Masa : 5.30 pagi
Tempat : MPSP Bandar Perda
Penganjur : Actife Lifestyle
Telefon : 012-4281805 (Andrew Loh)
Email : andrewllh@hotmail.com
meiyap@gmail.com

FEBRUARI

1 Feb. : BSG Property Race 2015
Masa : 8.00 pagi - 6.00 petang
Tempat : Precint 10, Tanjung Tokong
Penganjur : BSG Property / Penang Forward Club / Actife Style Concept
Telefon : 04-2637888

KALENDAR SUKAN MASSA 2015

(Feb. - April)

MAC

1 Mac : 8KM Charity Fatt Choy Fun Run

Masa : 8.00 pagi - 1.00 petang
Tempat : Straits Quay Penang
Penganjur : Robert Kerby / YT Law
Telefon : 07-9202388
Email : kirbt robertjohn@gmail.com

7 & 8 Mac : Penang Sports Club International Soccer Tournament

Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang
Tempat : Penang Sports Club
Penganjur : Penang Sports Club
Telefon : 04-2297834
Email : www.pgsportsclub.com

22 Mac : Stress Free Fun Walk 2015

Masa : 7.00 pagi
Tempat : Padang Kota Lama
Penganjur : D'Home Mental Health Association
Telefon : 04-6434432 / 012-4856087 (Sally Yeoh)
Email : dhomepg@gmail.com

29 Mac : Climb For Green
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Taman Botani
Penganjur : Lions Club International
Telefon : 012-4880800 (Choo Eng Hin)
Email : ceh@deltaonline.com.my

APRIL

4 April : Liga Sukan Daerah Timur Laut 2015

Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang
Tempat : Universiti Sains Malaysia
Penganjur : Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut
Telefon : 04-6505521 (Wan Afifah Wan Mohamad)

11&18 April : Kejohanan Floorball Sekolah Pulau Pinang (KFSPP) 2015

Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang
Tempat : Balai Rakyat Pasar Awam, Balik Pulau
Penganjur : Persatuan Floorball Pulau Pinang
Telefon : 016-2887809 (Christopher Koh)
Email : topher.koh@gmail.com

25 April : Tanjung Bungah Leisure Fishing Competition 2015

Masa : 8.00 pagi - 2.00 petang
Tempat : Persisiran Pantai Tanjung Bungah
Penganjur : Persatuan Memancing Pulau Pinang dengan kerjasama Pusat Khidmat ADUN Tanjung Bungah
Telefon : 012-4864626 (Carolyn Khor)
Email : carolynkhor@gmail.com



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 9446 NORHANEZA BINTI ROSLAN - 84010907**** NO. 5 SOLOK MAHSURI 1, TAMAN MELATI, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9447 BATHMANABAN A/L SIVAGURU - 80082207**** 4C-07-15 LORONG SEMARAK API 1, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9462 SEOW CHOOI PING - 81011007**** NO.4742 JALAN TIGA, LAHAR BUBU 13200 KEPALA BATAS, SPS	No Akaun Peminjam	: 9466 COLLEEN SIM LAY HOON - 81123107**** 11-4-10 LEBUH NIPAH 1, SUNGAI NIBONG, 11900
Penjamin 1	: ROSLAN BIN RAMLI - 58032402**** NO. 5 SOLOK MAHSURI 1, TAMAN MELATI, BAYAN BARU, 11950 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUGUNTHON A/L A/SIVAGURU - 74010208**** NO. 36-B JALAN UTAMA 10460 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SEOW WING CHIA - 55092607**** NO. 4741 JALAN TIGA, LAHAR BUBU, 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: POW LAY HOON - 80090107**** 522-A MUKIM 13, SUNGAI DUA, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHD FISOOL BIN RAMLI - 61031502**** NO. 32 HALAMAN TENGGIRI 2, 13700 SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: GOPU A/L SIVAGURU - 76042407**** NO. 36-B JALAN UTAMA 10460 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SEOW SHEOW HAN - 57111707**** NO. 6196 JALAN TIGA, JALAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: TAN KEK LOON - 8012007**** NO. 14 MUKIM 9, TELUK KUMBAR, 11920 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 9481 SITI ROHAIDA BINTI MOHD KHALDI - 84063007**** NO.31 LORONG KERANJI 3, TAMAN KERANJI 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 9489 AGNES CHIN - 79103107**** 80 C MUKIM 13, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9499 TAN KAI HUA - 81011707**** T1-07-06 LINTANG THIEN TEIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9500 NURUL HUSNA BINTI SUHAIMI - 84091207**** NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MOHD KHALDI BIN ISMAIL - 51040407**** 31 LORONG KERANJI 3, TAMAN KERANJI, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: LIM BOON TEONG - 60050407**** A-6-8 LCF KAMPUNG MELAYU 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: TAN MOH CHIANG - 4910207**** 4B-14-12 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AYER ITAM, 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SUHAIMI BIN ABD WAHAB - 60092507**** NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS, 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2	: HASSAN BIN ABDULLAH - 63111407**** NO. 212 LORONG KERANJI 3, TAMAN KERANJI, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: CHEAH IM CHYE - 60032007**** 509 MUKIM D, KUALA JALAN BARU, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN PHONG ENG - 52093007**** 2 TINGKAT LEMBAH RIA 3, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SALINA BINTI ABD WAHAB - 67031807**** 5-7-7 PRIMA VIEW APARTMENT, LEBUH NIPAH 2, SUNGAI NIBONG, 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 9502 SHAMSURIA BINTI SHAMAS - 83082807**** NO. 16 BLOK A, MUKIM 12, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9251 TAN HUI SAN - 82121307**** 26 LORONG ASAS MURNI 6, TAMAN ASAS MURNI, 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 9517 LOW CHEAN WEI - 81051607**** NO. 2A LORONG BUKIT MINYAK UTAMA, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA, 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 9525 INTAN NORAFZAN BINTI MD SAID - 83021007**** NO. 123 JALAN PERMAI, TAMAN BROWN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1	: SALMAH BINTI AWANG - 63011802**** 16 BLOK A MUKIM 12, SUNGAI NIBONG BESAR, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: NG SIEW POH - 54032207**** 1684 MK 15 KAMPUNG BAHRU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SIM CHUN ENG - 75090402**** NO. 16 JALAN WAJA, TAMAN KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: BIJAN BINTI ABDUL RAHIM - 59022010**** NO. 35 LINTANG PERMAI 2, TAMAN BROWN 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2	: JAAFAR BIN MAT - RF/T9*** CAWANGAN BEKALAN, IBUPEJABAT POLIS KONTINJEN, 10760 PULAU PINANG	Penjamin 2	: LAI YEOK TING - 70052307**** 1525 JALAN TAN SAI GIN 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LOW GAU - 49100708**** 2 LORONG SEJAHTERA 22, TAMAN INDUSTRI, CHEROK TOK KUN, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: YEW BEE SIM - 64022707**** NO. 52 LINTANG DELIMA 4, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 9527 SHAHIDA BINTI MAHAMAD SAAD - 84041907**** SEK. KEB. SEMARANG, PUSA, 94950 BETONG, SARAWAK	No Akaun Peminjam	: 9505 ANWAR HARUN BIN ABDULLAH MUNIR - 82051907**** 98-8-12 PANGSAPURI SINAR, BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: MOHD NAWSA BIN ABDUL RAHMAN - 57120102**** NO.3-12-6 MEDAN TENGKU, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: ANWAR IBRAHIM BIN ABDULLAH MUNIR - 78082307**** 98-08-12 APT. SINAR BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY, JELUTONG, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1	: SAKIRAH BINTI MAHAMAD SAAD - 72082707**** NO. 7878 POKOK TAMPANG, 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: 9506	Penjamin 2	: ANWAR IBRAHIM BIN ABDULLAH MUNIR - 78082307**** 98-08-12 APT. SINAR BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY, JELUTONG, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	
Penjamin 2	: ABD WAHAB BIN AYOB - T532*** NO. 7877 POKOK TAMPANG, 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA						

KM ketuai misi ke Hong Kong, Taiwan, kukuh kerjasama

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **CB LIM**

HONG KONG – Sejajar dengan tiga strategi utama Kerajaan Negeri dalam memastikan kemampunan ekonomi, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini mengetuai misi pelaburan Pulau Pinang ke Hong Kong dan Taiwan bagi mengukuhkan kerjasama melalui hubungan perdagangan dan pelaburan.

Kerjasama ini antara lain termasuklah pengaturan kolaboratif dua hala bagi menggalakkan perkembangan pasaran kewangan, daya saing, memperkasakan pembangunan modal insan dan memupuk kerjasama dalam pembanterasan jenayah sama ada di Pulau Pinang, Hong Kong maupun di Taiwan.

Ketika berucap pada Seminar Pelaburan Pulau Pinang di Hotel New World Millennium di sini baru-baru ini, Guan Eng turut menjelaskan beberapa inisiatif dan langkah-langkah intensif turut diambil dalam usaha merealisasikan pengukuhan ekonomi.

Antaranya, penumpuan terhadap sektor pembuatan dan perkhidmatan yang menjadi kunci kejayaan sebuah entiti ekonomi.

“Pada tahun 2013, Pulau Pinang mencatat RM62.6 bilion dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu merangkumi 48 peratus dari keseluruhan

sektor pembuatan dan 47 peratus melalui sektor perkhidmatan dengan peningkatan enam peratus setahun.

“Jumlah ini termasuk beberapa lapangan utama negeri iaitu perkhidmatan pelancongan, multimedia kreatif, perubatan, pendidikan dan perkhidmatan perkongsian serta penyumbangan luar (SSO),” katanya.

Selain itu, menurut beliau, Pulau Pinang juga kini giat menarik bakat-bakat dari luar negara melalui program latihan profesional antarabangsa dengan kerjasama universiti di Jepun, New Zealand, Jerman dan Switzerland.

Guan Eng dalam pada itu turut berkongsi usaha Pulau Pinang dalam memastikan kelestarian rakyatnya melalui Pelan Induk Pengangkutan Awam yang menelan belanja sehingga RM27 bilion bagi tempoh 2015 sehingga 2030.

“Perkongsian ini sebenarnya mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri ke arah mengeratkan lagi hubungan bilatera sedia kukuh dan mewujudkan ekosistem kondusif yang akan menyokong kepelbagaiannya aktiviti perdagangan antara Pulau Pinang dan Hong Kong,” jelasnya.

Pada masa sama, Guan Eng menekankan bahawa keyakinan kerjasama antara dua pihak berkaitan akan terus memberi manfaat dan mewujudkan situasi berfaedah.

Dalam rangka lawatan tersebut, Guan



KETUA MENTERI ketika berucap pada Seminar Pelaburan Pulau Pinang di Hotel New World Millennium di sini baru-baru ini.

Eng turut ditemani Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Penasihat Khas kepada Ketua Menteri, Datuk Lee Kah Choon; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan Ahli

Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Turut sama, Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian; Ketua Jurutera Bahagian Kerajaan Tempatan (Unit Pengurusan Trafik), Ir. Lim Thean Heng serta tiga pegawai kanan

polis iaitu Ketua Pegawai Siasatan Jenayah (OCCI), Senior Asisten Komisioner Mohd. Nasir Salleh, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Mior Faridaltrash Wahid dan Asisten Supritendan Chien Chunng Tsauramong.



my PENANG
where the festivities never end
Fabulous February Fiesta

PENANG HOT AIR BALLOON FIESTA 2015
21 & 22 FEBRUARY • PENANG POLO GROUND

KM terima kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi Pakistan

Gambar: **SHUM JIAN WEI**

KUNJUNGAN HORMAT...

Pesuruhjaya Tinggi Pakistan, Syed Hassan Raza baru-baru ini mengadakan kunjungan rasmi terhadap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di pejabatnya di sini.



KETUA MENTERI menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Syed Hassan Raza sempena kunjungan hormat beliau ke sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim turut hadir menyambut delegasi berkenaan.

Walaupun pertemuan tersebut baru pertama kali berlangsung, perbualan di antara kedua pihak amat mesra dan rancak.

Perbincangan tertutup selama hampir 20 minit tersebut antara lainnya

membincangkan mengenai prospek ekonomi, pelancongan, perindustrian dan perkongsian peluang antara dua pihak.

Kunjungan hormat tersebut turut disertai dua tetamu lain iaitu Konsul Jeneral Pakistan di Pulau Pinang, Datuk Abdul Rafique Abdul Karim dan Kaunselor Komersial, Wajihullah Kundu.

For more info visit mynpenang.gov.my/hab #mynpenanghotairballoon

Penang Global Tourism (State Tourism Bureau)
info@penangglobaltourism.com +604 264 3455 Penang Global Tourism mypenanggov



MPSP sasar 220 sekolah sertai Anugerah Sekolah Hijau 2015

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

PADANG LALANG – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mensasarkan pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2015 akan disertai 50 sekolah menengah, sekolah rendah (100) serta pra sekolah (70) membabitkan ketiga-tiga Daerah Seberang Perai.

Untuk itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, 36 sekolah yang pertama kali menyertai Anugerah Sekolah Hijau 2014 masing-masing akan diberi 15 pokok telah siap ditanam da lam pasu, sumbangan Kilang Guppy Plastic Industries Sendirian Berhad (Guppy).

Tidak cukup dengan itu, katanya lagi, juri pertandingan pada tahun ini akan menambah 10 lagi pasu bunga kepada sekolah-sekolah yang dikenalpasti berjaya melaksanakan program kebersihan dan penghijauan dengan baik.

“Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 220 sekolah, sasaran kita (MPSP) untuk tahun ini (2015),”

kata Maimunah di perkangan Bangunan MPSP Jalan Betik di sini baru-baru ini.

Dua Ahli Majlis MPSP, Mohd. Sharmizan Mohamad Nor dan Nur Shazreen Mohd. Jilani, Pengurus Besar Guppy, Tan Teik Huat, dan Ketua Jabatan Lanskap MPSP, Shaqroni Jamaluddin turut menyertai Majlis Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah-Sekolah Seluruh Seberang Perai berkenaan.

Difahamkan, Anugerah Sekolah Hijau yang diperkenalkan sejak tahun 2010 antara lain bertujuan untuk menyuburkan budaya amalan hijau di sekolah serta dalam kehidupan seharian generasi masa depan Seberang Perai.

Direkodkan, sebanyak 30 sekolah menyertai Anugerah Sekolah Hijau pada tahun 2010, diikuti, 36 (2011), 53 (2012), 84 (2013) dan 106 (2014).

Maimunah memberitahu, Guppy sejak tahun 2013 lagi menaja pasu bunga untuk program tersebut.

Syarikat terbabit, tambah beliau, menaja 540 pasu bunga pada majlis anugerah kali ini



MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan depan, lima dari kiri) menyempurnakan gimik majlis penyerahan pasu bunga kepada salah seorang guru sekolah di sini baru-baru ini.

dengan MPSP menyumbang pokok bunga.

Dalam perkembangan lain, Maimunah mengumumkan bahawa Pertandingan Melukis Poster “Kempen Makan Sampai

Habis” menawarkan hadiah lumayan setinggi RM2,000 kepada sekolah dan RM500 kepada murid yang menjuarai saingan berkaitan.

Katanya, poster-poster peserta akan dipaparkan untuk proses

mengundi daripada kalangan pembayar cukai mulai 1 Februari hingga 28 Februari ini, sebelum 10 poster terbaik bagi setiap kategori akan dikemukakan pada saingan peringkat negeri.



Syarat – syarat kepada pemandu teksi

PEMANDU Teksi dikehendaki membawa Kad Pengenalan, Kad Pemandu dan Surat Jemputan semasa menghadiri Majlis Penyampaian Insentif Perkhidmatan yang akan dirasmikan oleh YAB. Ketua Menteri.

Hanya kad pemandu yang masih sah berdaftar dengan pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sehingga 16 Januari 2015, layak

dipertimbangkan untuk menerima insentif perkhidmatan ini.

Hanya pemandu Teksi Bajet, Teksi Lapangan Terbang, Teksi Eksekutif, Teksi Mewah, Limousin Dan Kereta Sewa Yang Berdaftar Di Negeri Pulau Pinang adalah LAYAK untuk menerima insentif perkhidmatan ini.

Alamat permit pada kad pemandu yang berdaftar di luar Pulau Pinang

ialah **TIDAK LAYAK** untuk menerima insentif perkhidmatan ini.

Hanya Pemandu Pertama/Pemilik Kenderaan dan Pemandu Kedua (yang pertama) sahaja **LAYAK** untuk menerima insentif perkhidmatan ini.

Pembayaran insentif tidak akan dibuat kepada Wakil Pemandu kecuali atas alasan kesihatan dengan mengemukakan surat yang diiktiraf dan

disahkan oleh doktor.

Bayaran insentif perkhidmatan hanya akan diberikan dalam Majlis Penyampaian Insentif Perkhidmatan mengikut jemputan pada tarikh 14 Februari 2015 (Sabtu) dan 15 Februari 2015 (Ahad). Sekiranya tuan/puan gagal hadir pada tarikh yang ditentukan, bayaran tidak akan dibuat selepas tarikh tersebut.

KM harap Larian Penang promosi Seberang Perai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA – Pengajuran Larian Pulau Pinang saban tahun di Seberang Perai diharap dapat mempromosi lagi ketiga-tiga daerah berkenaan setanding dengan bahagian pulau Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada majlis penyampaian hadiah kepada pemenang Larian Penang 2014/2015 Edisi Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

“Kami sangat bangga dengan 1,680 peserta daripada 13 negara yang mempunyai stamina dan semangat yang sebenarnya seluruh rakyat Pulau Pinang perlu ada.

“Kalau tak dapat nombor satu pun, yang penting mesti ada komitmen untuk menghabiskan larian, kerana inilah falsafah hidup yang mesti kita ada.

“Macam pengajuran kejohanan terbuka disertai peserta peringkat antarabangsa ini, sudah cukup untuk menunjukkan semangat kita (Kerajaan Negeri) agar Seberang Perai kini adalah masa depan Pulau Pinang,” ujarnya di Kompleks

Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Bandar Perda di sini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Lee Khai Loon (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Machang Bubuk), Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) dan Dato’ Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP).

Difahamkan, Larian Pulau Pinang kali ketiga ini pada 11 Januari lepas diadakan di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) selepas acara seumpama itu diadakan di Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS) masing-masing pada 1 Jun dan 26 Oktober tahun lepas.

Tiga acara dianjurkan pada pertandingan kali ini, iaitu Maraton Penuh sejauh 63 kilometer (km), Separuh Maraton 23km dan larian ria untuk keluarga.

Guan Eng menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada semua pemenang termasuk majlis cabutan bertuah yang diadakan pada penghujung majlis berkenaan.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) bergambar kenangan dengan salah seorang pemenang cabutan bertuah bersempena pengajuran Larian Penang 2014/2015 Edisi Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Berkayuh sambil hayati keindahan Balik Pulau

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **DANNY OOI**

BALIK PULAU – Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Chong Eng mempelawa orang ramai menyertai dua acara berbasikal di sini iaitu *Balik Pulau Explorer* dan *Monster Climb Challenge* yang masing-masing bakal berlangsung pada 2 serta 3 Mei ini.

Menurutnya, acara anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Cleaner & Greener Sports dan Persatuan Berbasikal Pulau Pinang tersebut adalah sejajar dengan visi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya sukan antarabangsa.

“Saya selalu mengalui-alukan pihak pengelola program sukan untuk menganjurkan program sukan

di pelbagai lokasi di Pulau Pinang terutamanya di kawasan seperti Seberang Perai dan Balik Pulau.

“Justeru, cadangan pengajuran kedua-dua program ini adalah selaras dengan seruan tersebut yang amat ia amat sesuai disertai seisi keluarga bagi menghayati keindahan semulajadi serta memerhatikan gaya hidup tradisional di Balik Pulau,” katanya pada sidang media pengumuman penganjuran acara berkaitan di sini baru-baru ini.

Balik Pulau Explorer bakal berlangsung pada 2 Mei ini bermula jam 5 petang hingga 9 malam di Kompleks Sukan Balik Pulau, manakala, *Monster Climb*, 3 Mei ini bermula 7 pagi dari Kompleks Sukan Balik Pulau melalui Teluk Kumbar, Bayan Lepas, Sungai Ara, Bukit Jambul, Jalan Tun Sardon sebelum kembali semula ke Kompleks Sukan Balik Pulau membabitkan keseluruhan perjalanan sejauh 42 kilometer.

Menurut Chong Eng, beliau berharap melalui pengajuran program-program terbabit, orang ramai dapat menghargai keindahan alam semulajadi Balik Pulau.

“Kita akan lebih cinta kepada alam sekitar dan sebagai warganya yang bertanggungjawab, kita perlu mendidik anak-anak muda untuk sayangkan alam sekitar,” ujar beliau.

Bagi maklumat lanjut, layari penangevents.com.my



CHONG Eng (dua dari kanan) bersama-sama ahli jawatankuasa pengajuran menunjukkan sepanduk, medal dan baju-t pengajuran program *Balik Pulau Explorer* dan *Monster Climb Challenge* yang masing-masing bakal berlangsung pada 2 serta 3 Mei ini.

Naiktaraf Akademi Gimrama promosi kalangan belia negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar: **CHAN LILIAN**

BATU UBAN – Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) memperuntukkan sejumlah RM125,000 bagi tahun 2014 bertujuan menyelenggarakan pelbagai aktiviti membaik pulih dan menaiktaraf Akademi Gimrama MSNPP di sini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata, peruntukan itu termasuk bagi kerja-kerja membaiki dan menyelenggara gelanggang gimrama.

“Jumlah peruntukan ini adalah sebahagian dari hasrat Kerajaan Negeri untuk mempromosikan sukan gimrama dalam kalangan belia Pulau Pinang.

“Malah, Y.A.B. Ketua Menteri turut mengumumkan bahawa sejumlah RM6.84 juta diperuntukkan pada tahun 2015 bagi tujuan membina baru, menaiktaraf dan menyelenggara kemudahan sukan sedia ada.

“Jumlah ini termasuk pengurusan kemudahan dan pelaksanaan program pembangunan sukan bagi atlet-atlet berprestasi tinggi di Pulau Pinang,” katanya ketika mengadakan lawatan ke Akademi Gimrama MSNPP di sini baru-baru ini.

Chong Eng yang sebelum itu hadir ke Majlis Makan Malam Penghargaan Persatuan-sertasuan Sukan Negeri Pulau Pinang Bersama Media Massa 2015.



CHONG Eng (kiri sekali) memerhatikan rutin atlet gimrama, Koay Chia Li di Akademi Gimrama MSNPP pada sesi lawatannya di sini baru-baru ini.

Persatuan-persatuan Sukan Negeri Pulau Pinang Bersama Media Massa 2015 turut meluangkan masa beramah-mesra bersama atlet-atlet yang hadir.

Turut serta, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Abu Jamal Nordin; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Ghazali Derahman; Pegawai Kewangan Negeri, Dato’ Mokhtar Mohd. Jait; Pengarah MSNPP, Frederick Tan; Timbalan Pengerusi II, Datuk Ong Poh Eng dan Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah).



AKSI sebahagian wakil-wakil media yang mengambil bahagian dalam Majlis Makan Malam Penghargaan Persatuan-sertasuan Sukan Negeri Pulau Pinang Bersama Media Massa 2015.

Skim Usahawan Bumiputera Nasir Soya buka peluang niaga anak muda - Diar

Oleh: YAP LEE YING

Gambar : IDZHAM AHMAD

SELAGI tidak capai sasaran keuntungan ditetapkan dirinya, Pengarah Syarikat Nasir Soya HKP Sdn. Bhd. (Nasir Soya), Mohd. Zainuddiar Yusof, 35, tidak akan menganggap dirinya sebagai usahawan berjaya.

Baru empat tahun mengambil alih pengurusan serta perniagaan Nasir Soya yang mempunyai sejarah lebih 20 tahun di pasaran tempatan, Mohd. Zainuddiar Yusof atau lebih dikenali sebagai Diar berkongsi pengalaman awal penglibatan beliau dalam bidang berkaitan dengan Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara baru-baru ini.

“Mula-mula ambil alih, rasa nak nangis. Kena beli semua sendiri menggantikan peralatan-peralatan lama sedia ada.


“Tidak boleh bayangkan betapa susah dan seksanya. Tambahan pula, permohonan pinjaman semuanya tak dapat!” tegasnya dalam nada kesal.

Mengulas lanjut, Diar mempersoalkan ke manakah pergiannya peruntukan-peruntukan pinjaman bagi membantu usahawan-usahawan Bumiputera dalam negara.

“Kami pohon skim subsidi pada tahun 2014, tapi dimaklumkan bahawa pihak berkaitan baru lulus permohonan permohonan untuk tahun 2011 dan 2012 sebelumnya.

“Usahawan-usahawan kecil kalau nak tunggu bantuan, pasti sudah lingkup dulu! Ditambah pula dengan tempoh peralihan dua tahun yang perlu dipatuhi setiap pemohon,” nyata beliau.

Walaupun kecewa, cabaran tersebut



MOHD. ZAINUDDIAR YUSOF atau Diar menjelaskan proses penghasilan air soya di kilangnya.

belakang dalam bidang import dan eksport berjaya meletakkan nama Nasir Soya sebagaimana sebelum ini kini.

“Saya dan keluarga beli ‘Nasir Soya’ setelah mendapat berita bahawa Datuk Nasir ingin menjualnya iaitu pada empat tahun lalu. Nasir Soya dijual sekali dengan formula asas pembuatannya.

“Namun, itu cuma formula asas, kami cuba buat,

namun rasanya lain iaitu kurang kesedapan dan kelemakannya.

“Kami cuba dan cuba lagi, akhirnya berjaya selepas dua hingga tiga bulan. Masa tu, baru ada rasa soya dan boleh dipasarkan,” jelas Diar.

Dibantu oleh adik ipar beliau, Ahmad Syaufiq Abd. Hamid yang

merupakan pengarah urusan syarikat, rutin penghasilan soya adalah bermula pada jam 12 tengah malam hingga 5 pagi setiap hari.

Ketika diajukan soalan apakah keunikan soya buatannya, tiada jawapan diberikan Diar, sebaliknya, beliau hanya menyerahkan satu beg besar soya yang telah siap diproses dan ‘memaksa’ kami balik merasainya sendiri.

Meneruskan perbualan, Diar menyatakan bahawa kandungan air soya keluaran syarikatnya adalah 100 peratus soya dan air. Tambahan kandungan gula adalah bergantung kepada permintaan pelanggan. Sebaliknya, bagi soya biasa, kandungan soya hanyalah kira-kira 10 hingga 15 peratus sahaja.

“Itu saya memang boleh bagi jaminan. Malah, air soya saya juga lebih tahan lama kerana segar dan tiada bahan pengawet.

“Sekiranya nak tahan lagi lama, tambah satu jag ais dalam soya, masuk dalam chiller, boleh tahan sampai lima hari,” ujarnya sambil menjelaskan bahawa air soya buatan beliau adalah distim dengan air dan bukannya dibakar menggunakan dapur yang mana ia akan menyebabkan baunya kurang menyenangkan.

Mengulas mengenai cabaran dalam bidang berkaitan, Diar tidak menafikan bahawa saingan daripada peniaga-peniaga kecil adalah sentiasa wujud.

“Selalunya, akan ada peniaga yang gunakan nama Nasir Soya untuk memasarkan produk masing-masing, namun, kami sebagai pemegang jenama tidak mengambil tindakan terhadap golongan-golongan ini kerana percaya ia adalah kuasa Allah.

“Cuma seperkara, saya harapkan agensi-agensi kerajaan dapat bantu dari segi peluang dan juga kewangan usahawan-usahawan yang ingin berkecimpung dalam bidang ini.

“Bagilah peluang dan setidak-tidaknya khidmat nasihat. Kerana sebagai orang baru, kami (usahawan) memerlukan network dan sokongan daripada mereka (agensi),” kata Diar yang mana pihaknya turut mewujudkan Skim Usahawan Bumiputera Nasir Soya kepada anak-anak muda yang ingin serta mencari peluang bergiat dalam perniagaan.

Melalui Skim Usahawan Bumiputera Nasir Soya, pihak Diar akan membekalkan semua peralatan contohnya bekas, kaki gerai dan lain-lain.

“Kami cuma collect RM10 sehari, habis bayaran, individu berkaitan boleh



AHMAD SYAUFIQ ABD. HAMID menunjukkan tanda bagus sambil menunjukkan produk keluaran syarikatnya.

mengambil semua kelengkapan untuk meneruskan perniagaan masing-masing. Sehingga kini, memang ada beberapa yang berjaya.

“Sebaliknya, walaupun berhadapan dengan kes-kes barang hilang, kami tidak putus harapan disebabkan keinginan membantu masyarakat yang nak bermula terutamanya anak-anak muda yang suka lepak,” seru Diar.

Mengulas lanjut, Diar memberitahu bahawa asam garam dalam bidang perniagaan adalah begitu sinonim dengan masalah pekerja.

“Susah nak cari (pekerja) yang betul-betul ada integriti dan bersikap positif. Kalau tidak cukup kakitangan dan ada yang tiba-tiba ‘sakit’ atau tak boleh datang, kami terpaksa turun padang sendiri, masa tu, appointment tak jalan, sales pun akan drop.

“Ada juga ketikanya saya terpaksa bawa motor hantar soya-soya yang ditempah,” jelas beliau yang masih belum terlintas untuk menggaji pekerja asing.

Sebagai perancangan masa depan, adalah menjadi harapan Diar untuk membotolkan produk-produk keluarannya.

“Kini dalam proses. Pasaran yang difokuskan adalah di asrama-asrama,” ujar Diar yang berpandangan jauh demi impian mencapai matlamat dalam perniagaan beliau.

INFO :

Nasir Soya HKP Sdn. Bhd.

3, Lintang Bayan Lepas 6,
Taman Perindustrian Bayan Lepas,
Fasa 4, 11900 Bayan Lepas.
04 - 646 6121 / 017 - 424 1045
diarstp@yahoo.com



MESIN bagi membotolkan produk Nasir Soya dalam tempoh terdekat.

2,000 pendakwah satu daerah impian i-Hannan – Mohamad Iimran

KE mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Mungkin mewarisi minat ayah dalam dunia latihan motivasi, kata Mohamad Iimran Zainal Abidin, 32, kepada wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB**.

Bercakap di studio i-Hannan, anak jati Pulau Pinang lepasan pengajian Universiti Al-Azhar ini mula-mula agak segan untuk berkongsi mengenai latar belakang diri.

Selepas dipujuk, akhirnya beliau menjelaskan sebab beliau meninggalkan kerjaya sebagai "Ustaz" j-QAF atau Jawi, Al-Quran, Arab dan Fardhu Ain di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Jit Sin B, Berapit dua tahun lepas.

"Semasa dalam perjawatan (Ustaz j-QAF) lagi sebenarnya telah terlibat dalam dunia motivasi dakwah ini mendekati pelajar-pelajar berpotensi tetapi dilihat 'bermasalah'.

"Apabila mendepani semua ini, akhirnya terdetik untuk pergi lebih langsung dan ini tak cukup dengan hanya duduk (bekerja) di sekolah sahaja.

"Kerja sebagai pendidik di sekolah bukan baik, tetapi sebetul-betulnya kerana minat saya dalam kerja-kerja motivasi dakwah dan kebajikan," ujar Mohamad Iimran.

Muhammad Iimran merupakan murid Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Mashoor (Lelaki) dekat George Town, sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang Syariah di Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dekat Utara Semenanjung Terengganu, seterusnya ke Mesir.

Kini, beliau bergelar ayah dan mempunyai sepasang cahaya mata yang masing-masing berumur enam dan dua tahun.

ASAS i-HANNAN

Selepas terjun sepenuh masa dalam dunia motivasi dakwah, Mohamad Iimran bersama-sama seorang rakan akhirnya menubuhkan Akademi i-Hannan.

Dalam tempoh dua tahun ini, lebih 150 siri Kem Sahsiah & Jati Diri telah berjaya dianjurkan dengan setiap satu perkhemahan disertai lebih 160 peserta daripada kalangan anak muda belia.

"Kem Sahsiah & Jati Diri ini

adalah bengkel yang akan membawa anak-anak muda kembali melihat peranan masing-masing supaya boleh memberi manfaat kepada diri, keluarga dan masyarakat, walau apa juga latar belakang lepas kita.

"Sepanjang program kendalian i-Hannan ini, memang ada ditemui anak-anak muda yang mengakui bahawa mereka adalah 'bermasalah'.

"Lebih mencabar, adalah mereka yang mengakui bahawa mereka tidak lagi kisah nilai yang baik dan sebaliknya.

"Situasi sebegini, perlu berkawan dengan mereka dan yang paling penting adalah menunjukkan bahawa masih ada lagi orang yang sayang kepada mereka, iaitu kami," ujar Mohamad Iimran sambil memberitahu bahawa peranan fasilitator dalam konteks agama Islam adalah sama peranannya dengan pendakwah.

CABARAN

Mohamad Iimran dalam nada seloroh memberitahu bahawa sesetengah pihak menganggap langkah melepaskan jawatan sebagai kakitangan kerajaan pun boleh dikatakan sebagai mencabar.

"Mencabar juga selepas tidak lagi menjadi kakitangan kerajaan kerana selama ini gaji masuk ikut jadual.

"Tetapi, Alhamdulillah, formula terapi jiwa i-Hannan ini kian mendapat sambutan di peringkat sekolah hingga ke institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar Utara Semenanjung Malaysia.

"Sekarang, ada lapan tenaga sepenuh masa i-Hannan dan kita merancang untuk menambah lagi tenaga profesional," jelas beliau.

"Formula...mudah sahaja, iaitu 'al-wiqayah' iaitu mendedahkan kepada peserta mengenai kaedah untuk mencegah diri dari segi mental, emosional dan jasmani daripada unsur-unsur yang tidak baik.

"Kedua, i-Hannan, iaitu kaedah terapi jiwa. Selalunya bagi mereka yang tidak boleh lagi diubah melalui pendidikan atau latihan, pendekatan memupuk kasih sayang akan dilakukan.



MOHAMAD IIMRAN ZAINAL ABIDIN (depan, duduk, kanan) bersama-sama pasukan fasilitator i-Hannan dalam penganjuran Kem Bina Sahsiah & Jati Diri di Kedah baru-baru ini.

"Memang ada kesannya... Yang paling manis mestilah apabila peserta atau waris mereka menelefon kita dan memberitahu kesan positif dan negatif di sebalik program kita ini," jelas Mohamad Iimran lagi.

HARAPAN

Kata Mohamad Iimran, memang ada dalam perancangan i-Hannan untuk melahirkan 2,000 pendakwah muda bagi tiap-tiap daerah.

Mulai bulan Februari depan, katanya, i-Hannan akan menganjurkan program



MERAKAM gambar kenangan bersama-sama anak.

SALAH satu modul untuk membina jati diri peserta.

"**TRANSFORMERS**" atau singkatan bagi *Time to Success*.

"i-Hannan akan melaksanakan program dengan yuran serendah RM10 untuk menarik seramai mungkin anak-anak muda ke program terbaru ini, iaitu TRANSFORMERS.

"Kita buat program ini berdasarkan pengalaman lepas, supaya golongan terpilih dan anak-anak yatim yang tidak berpeluang mengikuti mana-mana program terapi jiwa, dapat berkongsi hasrat mengubah diri melalui program ini."

"Walaupun sekecil-kecil perubahan berlaku dalam hidup mereka yang pernah mengikuti program kami, tentulah itu yang paling bermakna bagi kami."

"Banyak impian kami, antaranya menubuhkan Yayasan i-Hannan, melahirkan 2,000 pendakwah muda dan bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan agenda 'Satu Hafiz (penghafaz al-Quran) Satu Rumah,' jelasnya.

Info :

Mohamad Iimran Zainal Abidin : 012 - 404 6195 atau Merico Achenk Abdullah, 013 - 309 6477.

Kaji struktur keseluruhan dulu - Bakhtiar

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN- Seramai enam ahli majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) diumumkan sebagai Pengerusi Gantian pada Mesyuarat Biasa Majlis pertama yang bersidang bagi tahun 2015 di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

Turut tersenarai, Ahli-ahli Jawatankuasa Tetap dan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MPPP bagi tempoh 15 Januari hingga 31 Disember 2015.

Buletin Mutiara sempat menemubual dua ahli majlis baru dilantik iaitu Muhammad Bakhtiar Wan Chik, 49, yang diamanahkan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Lalulintas serta Felix Ooi Keat Hin, 40, Pengerusi Jawatankuasa Perancangan

Pemajuan.

Ketika diminta mengulas lanjut berhubung bidang tugas baru, **MUHAMMAD BAKHTIAR** memberitahu bahawa beliau akan mengkaji terlebih dahulu struktur keseluruhan kawasan yang diliputi Majlis.

“Saya baru di dalam jawatankuasa ini.

“Walau bagaimanapun, melalui ahli jawatankuasa yang telah dilantik di bawah portfolio ini, kami akan sama-sama membantu penambahbaikan kepada prestasi keseluruhan daripada tahun-tahun sebelumnya.

“Pokok perkara paling penting adalah sebagai pasukan, kita perlu kerja bersama-sama dan pastikan matlamat akhir adalah untuk meringankan masalah lalulintas yang dihadapi rakyat Pulau Pinang,”

ujarnya yang sebelum ini merupakan Pengerusi Gantian bagi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan (2014).

Muhammad Bakhtiar yang pernah bekerja di beberapa syarikat multinasional turut mempunyai pengalaman luas dalam bidang sumber manusia.

Menurut beliau, kebiasaannya pembayar cukai akan menilai prestasi Majlis berdasarkan dua perkara iaitu pengurusan sisa dan masalah lalulintas.

“Salah satu perancangan strategik adalah melihat apa yang Kerajaan Negeri sedang lakukan dan apa yang rakyat inginkan,

“Ia merupakan satu cabaran, tetapi kita bersedia tanganinya,” jelasnya.

Empat Pengerusi Gantian lain yang masih dikekalkan jawatan ialah Joseph Ng Soon Siang bagi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan, Ong Ah Teong



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (kanan) dan Felix Ooi Keat Hin bergambar kenangan selepas pengumuman pelantikan sebagai Pengerusi Gantian MPPP pada Mesyuarat Biasa Majlis di baru-baru ini.

(Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam), Dr. Tan Kim Hooi (Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan, Ong Ah Teong

Awam untuk tempoh 15 Januari 2015 hingga 30 Jun 2015) dan Lim Boon Beng (1 Julai 2015 hingga 31 Disember 2015).

Penguatkuasa di bawah pentadbiran MPPP

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menyangkal kenyataan artikel disiarkan dalam sebuah akhbar berbahasa Cina bertarikh 14 Januari lalu yang melaporkan bahawa terdapat kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit berkhidmat di bawah syarikat Alam Indah Sdn. Bhd. (Alam Indah).

Alam Indah merupakan syarikat yang memenangi tender cetakan tiket berkupon MPPP tahun lalu.

Bahagian Perhubungan Awam MPPP memberitahu, kenyataan menyatakan bahawa terdapat Minit Mesyuarat Khas Penarikan Balik Kakitangan MPPP dari Alam Indah pada 6 Disember 2014 adalah tidak benar.

“Juga tiada keputusan khas dibuat meminta kakitangan MPPP bertugas di bawah pengurusan Alam Indah,” jelas kenyataan yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Tambah kenyataan tersebut, sebagai makluman, Kakitangan Penguatkuasa adalah di bawah pentadbiran MPPP yang ditugaskan menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan ke atas sistem letak kereta berkupon.

“Semua kakitangan yang ditugaskan itu adalah bagi membantu melancarkan sistem letak kereta berkupon yang telah dimulakan secara rasmi pada 1 Januari 2015.

“Justeru, tuduhan ini adalah tidak berasas dan MPPP menyangkal bahawa kakitangan kami (MPPP) bekerja di bawah perkhidmatan Alam Indah,” tegasnya.

AKM bakal mudahkan bayar saman & bil MPPP

GEORGE TOWN – Proses pembayaran saman dan lain-lain bil dikelola Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kini menjadi lebih mudah apabila pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit memperkenalkan penggunaan *auto kiosk machine* (AKM) berhubung inisiatif berkaitan di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPPP, Dato’ Patahiyah Ismail berkata, sebagai permulaan, AKM yang kini masih dalam tempoh percubaan hanya ditempatkan di Padang Kota Lama di sini.

“Mesin ini masih dalam tempoh percubaan. Memandangkan ia pertama kali diperkenalkan, kita (MPPP) nak pastikan tiada masalah apabila ia dilancarkan nanti.

“Malah, dengan pelancarannya kelak, orang ramai tidak lagi perlu menunggu lama atau mengelak daripada membayar saman MPPP,” ujarnya ketika ditanya berhubung pengenalan AKM selepas Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran sini.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye dan Ahli Majlis MPPP, Joseph Ng Soon Siang.

AKM yang disewa pada kadar RM3,600 sebulan dijangka beroperasi dari 7 pagi hingga 12 tengah malam dan



PATAHIYAH Ismail (kanan sekali) mengadakan perbincangan dengan dua Ahli Majlis MPPP selepas tamatnya Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

mampu menerima bayaran secara tunai mahupun cek.

Ketika ditanya berhubung kemungkinan pelaksanaannya diperluaskan ke kawasan lain dalam tempoh terdekat, Patahiyah dalam responsnya memberitahu bahawa ia bergantung kepada sambutan dan penerimaan masyarakat.

“Mungkin lebih banyak mesin akan disewa sekiranya mendapat sambutan menggalakkan kelak,” ujar beliau.



Tindakan terhadap Line Clear ikut SOP - YDP

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menegaskan bahawa ‘premis’ Nasi Kandar Line Clear yang diambil tindakan penguatkuasaan pada 19 Januari lalu adalah mengikut prosedur operasi standard (SOP) atas kesalahan tidak memiliki lesen perniagaan sah dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan di sini.

Yang di-Pertua MPPP, Dato’ Patahiyah Ismail berkata, Majlis telah mengeluarkan surat masing-masing kepada empat peniaga berkenaan termasuk pengendali (Abdul Hamid Seeni Parkir) pada 16 Disember 2014 bagi mengosongkan tapak berkenaan mulai 1 Januari 2015.

“Masalah perniagaan ini agak rumit kerana ia melibatkan hal keluarga.

“Tetapi, mereka (pemilik) telah bersetuju untuk mengadakan operasi perniagaan secara sistem giliran tahunan.

“Justeru, MPPP telah mengeluarkan lesen kepada pengusaha baru, Abdul Latif Thulkarunai berkuatkuasa 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015 mengikut keputusan yang dibuat pada 8 Oktober 2014 berhubung keputusan untuk melesenkan mereka (para pemilik) secara sistem giliran,” katanya pada sidang media khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye dan Pengarah Bahagian Pelesenan MPPP, Azman Sirun.

Turut hadir, dua waris Nasi Kandar Line Clear iaitu PATAHIYAH Ismail (dua dari kiri) dan Azman Sirun (kiri sekali) pada majlis sidang Sahubarali Ina



China Mohd. Hanibah yang diberikan lesen untuk beroperasi bagi tahun 2016 dan Pathumah Iskandar, 2017.

Menurut Patahiyah, sebelum tindakan penguatkuasaan dilakukan pada hari tersebut, hasil pemeriksaan yang dijalankan sebelum itu mendapat bahawa operasi perniagaan Nasi Kandar Line Clear masih dijalankan seperti biasa walaupun tanpa lesen sah.

“Kita (MPPP) dah siasat dan periksa terlebih dahulu.

“Tindakan yang dijalankan terhadap kedai nasi kandar tersebut adalah selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil Penjaja 1979.

“Tuduhan mengatakan MPPP menjalankan penguatkuasaan secara melulu adalah tidak benar kerana kita telah menghantar notis,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Patahiyah turut menasihati pewaris-pewaris Nasi Kandar Line Clear supaya menyelesaikan pertikaian mengenai sistem giliran tersebut secara baik.

“Kita tidak berniat campur tangan dalam pertikaian ini, kerana ia masalah keluarga.

“Secara jujurnya, Majlis mahu (Nasi Kandar) Line Clear diteruskan kerana ia merupakan salah satu ikon kepada produk pelancongan Pulau Pinang,” ujar beliau.



SEBAHAGIAN pewaris-pewaris Nasi Kandar Line Clear.



Zakat Pulau Pinang

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
mengucapkan setinggi-tinggi
penghargaan dan jutaan terima kasih
kepada pembayar-pembayar zakat
bagi tahun 2014.



ZAKAT PULAU PINANG

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.

Tel: 04-549 8088 Faks: 04-530 6466

www.zakatpenang.com

زكاة فريهاتين
Zakat Pribatin



BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG. SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI	NAMA PROJEK	JENIS PEMAJUAN	HARGA SEUNIT	HARGA SELEPAS POTONGAN 5%	BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA	PEGAWAI PERHUBUNGAN
1.	Pavilion Wagon Sdn. Bhd. No.99 Jalan Pudu Lama 50200 Kuala Lumpur No. Tel : 03-20261837/04-5080922 No. Fax : 03-20260633/04-5070922	Di Atas Lot 1024, Mukim 15, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	Taman Tangling Indah 1-3	Kedai Pejabat Jenis SA Kedai Pejabat Jenis SB Kedai Pejabat Jenis SC Rumah Berkembar Jenis SD Rumah Teres Jenis TA Rumah Teres Jenis TB	RM729,000.00 - RM759,000.00 RM624,545.00 - RM634,545.00 RM837,900.00 - RM862,900.00 RM508,526.45 - RM540,291.00 RM388,800.00 - RM489,203.20 RM396,000.00 - RM506,966.00	RM692,550.00 - RM721,050.00 RM593,317.75 - RM602,817.75 RM796,005.00 - RM819,755.00 RM483,100.13 - RM513,276.45 RM369,360.00 - RM464,743.04 RM376,200.00 - RM481,617.70	6 8 6 7 28 8	Chong Ming Fei
2.	Zillion Acres Sdn. Bhd. No.66A, Lorong Perda Selatan 1 Bandar Perda 14000 Bukit Mertajam No. Tel : 04-5396789 No. Fax : 04-5386790	Di Atas Lot 10115 H.S. (M) 677, Lot Dahulu (Lot 889 & 890) Mukim 7, Jalan Permatang Rawa Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	Pusat Perniagaan Perdana Jaya	Kedai 3 Tingkat	RM1,270,000.00 - RM1,506,000.00	RM1,206,500.00 - RM1,430,700.00	8	Norazura binti Ahmad
3.	Goodfields Development Sdn. Bhd. Di Atas Lot 1361, Mukim 15, Jalan Rozhan, Alma 14000 Bukit Mertajam No. Tel : 04-5511133 No. Fax : 04-5523533	Di Atas Lot 99,100 dan 15498, Mukim 14, Jalan Bukit Minyak Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	Goodfields Residence	Pangsapuri A Pangsapuri B Penthouse	RM398,000.00 - RM414,000.00 RM348,000.00 - RM366,000.00 RM780,000.00	RM378,100.00 - RM393,300.00 RM330,600.00 - RM347,700.00 RM741,000.00	20 22 1	-

MP gesa sama-sama tolak cukai GST beban rakyat

Oleh: AHMAD ADIL MUHAMAD

PERAI – Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani menegaskan bahawa perayaan Ponggal kali ini merupakan sambutan kali terakhir sebelum pengimplementasian cukai barang dan perkhidmatan (GST) dijadualkan April ini.

Beliau berkata demikian ketika memberikan ucapan alu-aluan pada Pesta Ponggal 2015 Peringkat Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai di Taman Inderawasih di sini baru-baru ini.

Menurut Kasthuriraani, walaupun barang yang digunakan pada pesta Ponggal seperti gandum, susu dan gula tidak dikenakan GST secara terus, namun kenaikan harga barang itu tetap tidak dapat dielakkan.

“GST yang perlu ditanggung oleh syarikat semasa proses pengilangan tetap memberi impak kepada rakyat kerana ia akan dikenakan dalam bentuk kenaikan harga barang.

“Ia termasuklah GST yang dikenakan kepada keperluan pembungkusan, cetakan dan juga logistik yang perlu ditanggung oleh syarikat pengeluar,”

tegas beliau pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Justeru, Kasthuriraani menggesa supaya rakyat dapat sama-sama menyokong usaha untuk menolak cukai yang membebankan rakyat itu.

“Beban kenaikan harga barang ini bukan sahaja dirasakan semasa perayaan Ponggal sahaja, malah perayaan-perayaan utama lain di Malaysia akan turut terkesan,” tambahnya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai dan dua Ahli Majlis bagi Majlis



PROF. DR. P. RAMASAMY (TIGA DARI KIRI) MENYEMPURNAKAN GIMIK PERASMIAN PESTA PONGGAL 2015 PERINGKAT KADUN PERAI SAMBIL DIPERHATIKAN P. KASTHURIRAANI (LIMA DARI KANAN) DI SINI BARU-BARU INI.

Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel serta M. Satees.

Masakan Ponggal dimasak menggunakan peralatan semulajadi

seperti periuk tanah liat, senduk kayu dan kayu api di bawah sinaran matahari sebagai tanda berterima kasih kepada alam semulajadi.

ADUN Batu Maung iktiraf pelajar cemerlang

Teks & Gambar: AINUL WARDAH SOHILLI

SUNGAI ARA – Seramai 290 pelajar cemerlang Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) 2014 dipilih untuk menerima pengiktirafan Anugerah Pelajar Cemerlang bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ahmad Azril Tahir yang mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim ketika menyampaikan ucapannya berkata, pemilihan para penerima adalah berdasarkan keputusan cemerlang iaitu memperoleh 4A dan ke atas.

“Saban tahun, saya difahamkan ADUN akan memilih pelajar cemerlang dalam peperiksaan umum untuk diberikan pengiktirafan.

“Hari ini, saya amat berbesar hati, mewakili beliau (Abdul Malik) untuk menyampaikan anugerah tersebut,” katanya pada Majlis Penyampaian

Anugerah Pelajar Cemerlang KADUN Batu Maung di sini baru-baru ini.

Anugerah Pelajar Cemerlang merupakan salah satu program kemasyarakatan tahunan yang diadakan di Batu Maung bagi mengiktiraf kejayaan dan kecemerlangan pelajar yang menduduki peperiksaan umum negara.

Berteraskan ‘Mencerna Kecemerlangan Keilmuan’, pada majlis yang sama turut dilancarkan Kelas Tuisyen Percuma tahun 2015 bagi pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan tahun ini.

Tambah Ahmad Azril, harapan yang tinggi diletakkan di atas bahu pelajar-pelajar berkaitan untuk terus mencapai kejayaan dan menjadi teladan yang baik untuk generasi akan datang.

Untuk maklumat lanjut berkaitan Kelas Tuisyen Percuma, sila hubungi Pusat Khidmat ADUN di talian **04-6261968** atau hadir ke pejabat ADUN di **No.17-2, Tingkat 2, Lintang Batu Maung 1, Taman Iping, 11960 Bayan Lepas.**



SEBAHAGIAN penerima pengiktirafan Anugerah Pelajar Cemerlang KADUN Batu Maung merakam kenangan bersama pada majlis yang diadakan di sini baru-baru ini.

Peniaga terima arahan kosongkan premis dapat pampasan pemaju

PERAI – Para peniaga Pasar Awam Lama Perai lega apabila berjaya memperoleh pampasan daripada pemaju tanah yang diduduki hasil keprihatinan Kerajaan Negeri melalui inisiatif Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, semua 23 peniaga di pasar tersebut diminta mengosongkan premis masing-masing tanpa sebarang pampasan setelah syarikat pemaju terbabit bercadang membangunkan tanah tersebut baru-baru ini.

Walaupun pada asalnya pihak pemaju tidak mahu memberikan pampasan atas alasan para peniaga hanyalah penyewa yang telah tamat tempoh sewaan, namun hasil keperihatinan Kerajaan Negeri, dilema terbabit dapat diselesaikan dengan keputusan berpihak kepada peniaga.

Menurut Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, peniaga-peniaga berkaitan sudah lama menjalankan perniagaan masing-masing di sini.

“Ada peniaga yang menyambung perniagaan turun-temurun...ada yang telah menjangkau sehingga lima generasi.

“Adalah tidak adil sekiranya peniaga dipaksa keluar tanpa sebarang pampasan kerana sesetengah peniaga



PROF. DR. P. RAMASAMY (DUAT DARI KIRI) MENYAMPAIKAN CEK PAMPASAN KEPADA SALAH SEORANG PENIAGA PASAR AWAM LAMA PERAI PADA MAJLIS KHAS YANG DIADAKAN DI SINI BARU-BARU INI.

membaiki serta menyelenggara struktur premis masing-masing menggunakan duit sendiri tanpa meminta daripada pemilik bangunan,” jelasnya pada Majlis Penyerahan Cek Pampasan Kepada Para Peniaga Pasar Awam Perai Lama di sini baru-baru ini.

Turut hadir, dua Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel dan M. Satees.

Tambah Ramasamy, pihak pemaju bersetuju membayar pampasan secara ansuran dua kali kepada peniaga setelah mendapat perintah mahkamah.

“Kini, para peniaga menerima cek sebanyak 50 peratus daripada jumlah pampasan diterima, manakala baki selebihnya akan dibayar dalam tempoh masa 48 jam setelah premis dikosongkan.

“Kos pemindahan akan ditanggung sendiri oleh peniaga terbabit. Premis perlu dikosongkan sebelum 2 Mac ini,” ujar beliau.

ADUN & polis trafik bantu lalulintas

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **ADUN JAWI**

JAWI – Kurang dua minggu selepas sesi persekolahan bermula, keadaan trafik di pekan Nibong Tebal terutamanya dari persimpangan Jalan Atas ke Jalan Ooi Kar Seng sesak dengan pertambahan kenderaan di beberapa lokasi berdekatan sekolah.

Justeru, satu inisiatif diambil Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee bagi mengatasi dilema berkaitan.

“Dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah baru-baru ini, saya telah menyuarakan kebimbangan lalulintas di kawasan sekitar sini dan telah menghubungi Ketua Polis Daerah SPS (Seberang Perai Selatan) untuk meletakkan seorang pegawai trafik bagi mengawal lalulintas terutama di waktu-waktu tamat sesi persekolahan pagi dan petang,” katanya ketika mengadakan tinjauan di lokasi berkaitan di sini baru-

baru ini.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), H’ng Mooi Lye turut serta dalam tinjauan selama sejam terbabit.

Menurut Lip Chee, persimpangan Jalan Atas ke Jalan Ooi Kar Seng dan sebaliknya sesak acapkali waktu persekolahan bermula atau tamat.

“Terdapat kira-kira tujuh sekolah sekitar sini dan pastinya setiap kali sesi persekolahan bermula atau tamat, kesesakan pasti berlaku.

“Saya harap, kini dengan kehadiran anggota polis trafik, kesesakan dapat dilerakan dan kes-kes kemalangan dapat dikurangkan,” katanya yang menyeru penduduk sekitar pekan Nibong Tebal agar mematuhi arahan polis trafik bagi mengurangkan kesesakan di sini.

Lip Chee dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada pihak polis trafik atas khidmat kawalan lalulintas di sini.



SOON Lip Chee (tengah) dan H'ng Mooi Lye meninjau keadaan lalulintas di Jalan Ooi Kar Seng yang dikawal anggota polis trafik di sini baru-baru ini.



KEADAAN lalulintas di pekan Nibong Tebal yang sesak terutama ketika sesi persekolahan bermula.

Mangsa kebakaran dapat rumah baru

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **PPK SUNGAI ACHEH**

NIBONG TEBAL – Bagi salah seorang mangsa kebakaran Ladang Transkrian, M. Yogamba, 42, di sini, tiada kata yang dapat diluahkan apabila beliau menerima bantuan rumah hasil sumbangan kepimpinan Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Tambahan pula, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy hadir sendiri menyerahkan kunci kediaman baru buat keluarganya di sini.

“Syukur sangat, terima kasih kepada kepimpinan negeri, Profesor (Ramasamy) kerana (membantu) membina rumah untuk saya dan keluarga,” katanya dalam nada gembira kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Acheh, Azmi Samsudin dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Seri Ampangan, T. Rajan Ran.

Menurut Azmi, sumbangan tersebut adalah hasil peruntukan daripada Ramasamy, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato’ Mansor Othman dan beliau sendiri.

“Semuanya tiga buah



PROF. Dr. P. Ramasamy (lima dari kanan) menyampaikan kunci rumah kepada M. Yogamba.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.10 petang pada pertengahan April 2014, tiga rumah membatitkan empat keluarga yang didiami sejak hampir 50 tahun lalu musnah dalam kejadian kebakaran di sini.



RUPA bentuk rumah baru.

rumah terlibat. Namun, dua lagi dibina semula oleh tuan tanah berkaitan,” jelas beliau.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BUKIT MERTAJAM – Seramai 40 sukarelawan yang menyertai misi kemanusiaan bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan baru-baru ini diraikan dalam suatu majlis yang diadakan di kediaman Ahli Parlimen Bukit Mertajam di sini.

Majlis tersebut diadakan bagi menghargai jasa sukarelawan terbabit yang telah meluangkan masa selama dua minggu bagi membantu membersihkan rumah-rumah mangsa banjir di sana.

Selain kerja-kerja pembersihan, pasukan tersebut turut memberikan khidmat kaunseling dan bantuan kewangan secara terus kepada mangsa-mangsa terlibat.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong memberitahu, walaupun ada yang menyatakan bahawa misi tersebut dijayakan pejabat khidmat beliau, namun sukarelawan yang sanggup meredah lumpur dan selut itulah yang sepatutnya diberi penghargaan.

“Tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat.

“Misi ini juga menonjolkan semangat kekitaan yang amat kuat melangkuai kaum dan agama di kala rakan-rakan lain di negara ini dilanda musibah,” ujar beliau pada majlis



STEVEN Sim Chee Keong (kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang sukarelawan yang menyertai misi kemanusiaan bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan baru-baru ini.

sambutan berkenaan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Chee Keong turut menggesa agar Kerajaan Persekutuan supaya menangguhkan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) di saat rakyat ditimpah musibah banjir yang teruk.

“Cadangan untuk meneruskan juga cukai membebankan ini adalah tidak masuk akal terutamanya kepada rakyat di Pantai Timur dalam keadaan sekarang.

“Jika Kerajaan Persekutuan yang besar ini pun terpaksa menstrukturkan semula rancangan perbelanjaan mereka, apakah lagi rakyat berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya mangsa-mangsa banjir.



Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat

RM100 setahun



Warga Emas



Ibu Tunggal



OKU



Suri Rumah

RM100 sebulan



Penarik Beca

* Tertakluk pada syarat.

Sumbangan pukat 2 kali setahun



Nelayan

RM600 setahun :



Pemandu Teksi



RM100 Pelajar
(Tahun 1 dan 4,
Tingkatan 1 dan 4)



RM1,000
Waris urus jenazah



RM1,000
IPTA



RM200
Bayi kelahiran Pulau Pinang

“One-Off”

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat

